The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin): Mr Chairman, Sir, this practice of taking all Schedules together, in, cases where there is more than one Schedule, is in fact our traditional practice. As far as I know—after all I have been in this House from the very beginning—this has never happened before. In fact, I am surprised to know that we are departing from the previous practice. In fact, if there has been any change, this is a change, because this is the first time that we have taken the Schedules separately.

Mr Chairman: Saya percaya juga jadual yang pertama dan yang kedua itu boleh di-satukan tetapi saya sudah memberi satu ruling hanya yang pertama tadi di-benarkan dahulu. Jadi dengan sebab ada keputusan saya samacham itu saya fikir mereka berpuas hati apa yang saya katakan tadi.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, saya menhadangkan perbelan-

jaan sa-banyak \$20 di-bawah Head S. 15, Schedule yang pertama itu dipersetujukan. Perbelanjaan ini ada-lah di-kehendaki, yang pertama-nya ia-lah untuk mengadakan tempat kediaman sementara bagi tentera² di-wilayah Borneo dan kedua-nya untuk mengadakan perkakas penchetak Kementerian Pertahanan. Jadi kedua² wang ini ada-lah di-perolehi daripada peruntukan ini.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, I would like to refer to Sub-head 66 under which there is a request for a printing unit. Sir, I do know that the Printing Department is overworked and, perhaps, the case for the setting up of a printing unit may or may not be justified for the Ministry of Defence. What concerns us on this side of the House, and what should concern the Minister of Finance, is that if this "empire building" goes on in every Ministry—and I suppose that the volume of work in the Ministry of Education is as voluminous as that of the Ministry of Defence—and if every Ministry asks for a printing unit, then where will these all end?—Parkinson's Law, again. If the Government Printing Department is inadequate, then I suggest that the Government should come to us for more funds for the Printing Department, so that it can meet the requirements of all the Ministries concerned.

Tun Haji Abdul Razak: Mr Chairman, Sir, that is not "empire building". On the contrary, the proposal is to reduce clerical work. The Honourable Member may not be aware of the amount of clerical work and the amount of forms that have to be printed and filled in certain Ministries—in particular, the Ministry of Defence. This matter has been examined very carefully by the O.&M.A. and it has been recommended that in order to save clerical work, to save the number of staff and, in fact, to save money, it has been recommended that we should purchase this printing equipment to establish this printing unit. The Government Printing Department will not be able to undertake this work.

Question put, and agreed to.

The sum of \$20 for Head S. 15 ordered to stand part of the First Schedule.

The Minister of Education (Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menerangkan dengan ringkas atas tambahan yang di-kemukakan, yang di-kehendaki, oleh Kementerian Pelajaran di-bawah Anggaran Perbelanjaan Tambahan tahun 1963 seperti di-Kepala S. 16 atas Kertas Titah bilangan 16 tahun 1964. Saya suka menarek perhatian Ahli² Yang Berhormat ia-itu Kementerian Pelajaran telah dapat menjimatkan wang, kerana peruntukan yang di-luluskan dalam Kepala S. 16 di-dalam Anggaran Perbelanjaan biasa tahun 1963 dan telah di-kemukakan wang itu dengan perbelanjaan tambahan yang di-tunjokkan dalam Kertas Titah bilangan 17 tahun 1964, itu. Oleh yang demikian maka Dewan ini hanya di-minta meluluskan peruntukan wang token vote sa-banyak \$10 bagi tiap² satu Pechahan Kepala yang berkenaan berjumlah semua-nya \$50. Sebab yang memerlukan bagi perbelanjaan tambahan di-bawah tiap² Pechahan Kepala yang ada di-terangkan dalam chatitan yang telah dinyatakan di-bawah Kepala S. 16 yang di-bentangkan dalam Kertas Titah bilangan 17/64. Tetapi saya ingin mengambil peluang menerangkan pada Dewan ini mengapa Kerajaan memikirkan mustahak di-adakan bilek gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan seperti yang terkandung di-dalam Sub-head 86 (a) dan Sub-head 136 kapada Dewan Bahasa dan Pustaka, dan tujuan mengadakan bilek gerakan itu dalam tahun 1962, Kerajaan telah memutuskan menubuhkan sa-buah jawatan-kuasa yang di-ketuai oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita, guna menyelia dan mengarahkan usaha² untuk mengkaji dan meluaskan lagi penggunaan Bahasa Kebangsaan. Oleh kerana usaha² menimbang dan memperluaskan pemakaian Bahasa Kebangsaan ini yang di-jalankan oleh berbagai² Kementerian, pejabat² Kerajaan, badan² yang tertentu, dan juga Kerajaan² Negeri, Kerajaan memikirkan mustahak-lah usaha² ini dapat di-tandakan di-dalam

satu bilek gerakan, supaya jawatan-kuasa ini dapat mengetahui dengan sa-penoh-nya usaha² yang di-jalankan dengan berbagai² jabatan Kerajaan itu dan dapat pula mengatorkan langkah² yang lain yang patut di-jalankan lagi pada masa yang akan datang.

Wan Hassan bin Wan Daud (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya suka berchakap dalam Kepala S. 16, Pechahan Kepala 86 (A) dan 136. Kami pehak PAS menguchapkan terima kasih kapada pehak Kerajaan kerana mengadakan perbelanjaan mengadakan alat² bagi Bilek Gerakan Bahasa Kebangsaan atau National language Operation Room ini. Saya berharap supaya Kerajaan mengadakan gerakan dalam bilek ini untuk menerangkan sa-takat mana kemajuan² yang telah di-peroleh dari segi pelaksanaan dan penggunaan Bahasa Kebangsaan ini. Dan kalau perlu di-beri tahu kapada orang ramai akan kedudukan ini, termasuk-lah penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Parlimen ini. Kerana saya khuatir dan takut, kalau² harapan kita di-atas kemajuan penggunaan Bahasa Kebangsaan ini akan menjadi, sa-balek-nya, ia-itu bertambah mundur bagaimana yang kita tahu dalam Bulan Bahasa Kebangsaan yang ada sekarang ini pun, maseh banyak orang² yang membelakangi Bahasa Kebangsaan, termasuk-lah Ahli² Yang Berhormat pehak Kerajaan sendiri dalam Dewan ini, yang mereka itu saya perchaya tahu berbahasa kebangsaan, tetapi dengan sengaja sa-olah² hendak mempermainkan Bahasa Kebangsaan dengan beruchap dalam Bahasa Inggeris. Sakian-lah, Tuan Pengerusi.

Enche' Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit berkenaan dengan kedudukan Bulan Bahasa Kebangsaan. Bagaimana yang di-terangkan oleh Menteri Yang Berhormat tadi, terutama sa-kali saya suka-lah dalam Dewan ini menguchapkan tahniah bagi pehak Kerajaan negeri Johor dan Perlis, bagaimana yang telah diberitahu oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dalam masa pembukaan merasmikan bilek gerakan negeri Johor ia-itu kedua² negeri ini telah pun

membuka atau pun merasmikan bilek gerakan bagi peringkat negeri, dan negeri ini telah dapat mendahului penubuhan atau pun merasmikan bilek gerakan daripada bilek gerakan Tanah Melayu, dan begitu juga menguchapkan tahniah terutama sa-kali pada hari ini, bagi pihak Kerajaan negeri Johor telah mengisytiharkan dan memberitahu bagi pihak negeri-nya pada masa ini pun jika di-bolehkan di-dalam Perlembagaan, maka negeri ini sekarang jua boleh menjalankan Bahasa Kebangsaan dalam pentadbiran negeri-nya. Jadi, saya harap bagi pihak Kerajaan supaya dapat mengkaji untuk meminda Perlembagaan bagi membolehkan mana² negeri yang telah boleh menggunakan Bahasa Kebangsaan menggunakan bahasa kebangsaan dalam urusan Kerajaan.

Sa-malam kita dengar kechaman daripada wakil Batu yang telah mensifatkan ia-itu Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka kita membuat ugutan². Tetapi saya sa-bagai Ahli penyokong Kerajaan, kita berharap-lah kepada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu atau kepada siapa² juga yang chintakan bahasa kita supaya mensifatkan-lah tuduhan² yang bagini sa-bagai orang² tua yang suka berleter. Kita bagi pihak penyokong Kerajaan berpendapat apa yang di-lakukan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu pada hari ini dalam melaksanakan Bahasa Kebangsaan itu tidak cukup apa yang telah di-buat. Malah kita berkehendakkan supaya Pengarah itu dapat bertegas lagi untuk melaksanakan tugas yang telah di-berikan kepada beliau itu.

Berkenaan dengan papan² nama bagaimana yang kita tahu di-chonteng², ini saya harap kepada pihak Kementerian masa kita hendak mengadakan peruntukan dalam Kementerian ini, saya berharap satu hari kita adakan satu peruntukan untuk menukar sa-kali gus papan² nama, menggantikan dengan Bahasa Kebangsaan, supaya dapat sa-rentak dalam masa kita menjalankan penggunaan Bahasa Kebangsaan itu. Sakian-lah, Tuan Pengerusi.

Abang Othman bin Haji Moasili (Sarawak): Tuan Pengerusi, saya suka

hendak memohon penjelasan dengan ringkas-nya, jikalau di-benarkan oleh Tuan Pengerusi dalam Kepala S. 16, Pechahan Kepala 46. Oleh kerana saya telah di-beritahu di-dalam persidangan Majlis Undangan Negeri Sarawak bahawa Kerajaan Sarawak sedang berhubung dengan Kerajaan Pusat berkenaan dengan dasar pelajaran Sarawak. Dengan itu, Tuan Pengerusi, dapat-kah kira-nya Yang Berhormat Menteri memberikan bayangan sa-berapa jauh perhubungan, atau perundingan tentang pelajaran yang telah di-jalankan di-antara Kerajaan Sarawak dengan Kerajaan Pusat, terutama sa-kali mengenai dasar *free primary education*.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, di-bawah Kepala S. 16, Pechahan Kepala 86A dan Pechahan Kepala 136. Saya suka menarek perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ia-itu memandangkan kapada hasrat kita hendak menjadikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan yang tunggal pada tahun 1967, saya dapati langkah² untuk menjalankan gerakan Bulan Bahasa, atau pun mengembangkan bahasa kebangsaan ini amat-lah lambat. Satu perkara yang telah berlaku di-negeri Perak ia-itu sa-masa saya di-sana, saya telah di-jemput menjadi salah sa-orang daripada hakim di-peringkat Negeri dalam negeri Perak itu ia-itu dalam pertandingan Bulan Bahasa. Saya dapati di-situ tidak ada orang² lain ia-itu orang² yang bukan Melayu yang mengambil bahagian di-situ; yang ada hanya-lah orang² Melayu sahaja, sedangkan orang² lain (bukan Melayu) amat-lah sedikit.

Yang kedua, saya minta kepada Menteri yang berkenaan ia-itu tolong memberikan satu perhatian yang amat berat kepada sa-buah sekolah menengah yang bahasa penghantar-nya ia-lah bahasa Melayu ia-itu Sekolah Izuddin Shah di-Tiger Lane, Ipoh, di-tempat yang dahulu saya berkhidmat di-situ.

Tuan Pengerusi, Sekolah Izuddin Shah ini benar dia sa-buah sekolah di-bawah jagaan Negeri ia-itu di-bawah jagaan Pejabat Ugama Negeri Perak,

tetapi masalah-nya yang saya hendak sebutkan ini ia-lah masalah gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan, atau mengembangkan bahasa kebangsaan ini di-sekolah itu yang sudah beberapa kali membuat perhubungan dengan Kementerian Pelajaran supaya dapat guru yang terlateh untuk mengajar bahasa Melayu di-situ, tetapi sampai sekarang ini tidak dapat. Jadi, sa-kali pun sekolah itu sekolah yang di-bawah jagaan State, saya minta-lah di-bawah peruntukan tambahan ini, kalau Menteri itu dapat mengadakan sesuatu dan saya minta Menteri itu menerangkan sikap-nya dalam menolong meminjamkan guru—secondment of teachers—di-situ berkenaan dengan bahasa kebangsaan.

Che' Ajibah binti Abol (Sarawak):

Tuan Pengerusi, di-sini saya suka hendak berchakap berkenaan dengan Kepala S. 16, Pechahan Kepala 86A. Tuan Pengerusi, di-sini saya suka hendak memberi pandangan sedikit berkenaan dengan bahasa kebangsaan di-Sarawak. Bahasa kebangsaan memang tidak ada galakan langsung dari Kerajaan Sarawak di-ajar di-sekolah² sedangkan sekolah² yang di-penohi oleh murid² dan guru² Melayu pun tidak ada bahasa kebangsaan di-ajarkan.

Kita memang mengetahui bahawa bahasa Inggeris ada-lah sa-bagai bahasa rasmi di-Sarawak dan telah menjadi bahasa perantaraan di-sekolah² dan hingga sa-puloh tahun sa-sudah Malaysia ini, tegas-nya pada tahun 1973 baharu-lah tamat-nya bahasa Inggeris menjadi bahasa rasmi di-Sarawak, tetapi oleh kerana kita hendak menyesuaikan bahasa kebangsaan di-Sarawak dengan perkembangan bahasa kebangsaan di-Malaya ini, maka hendak-lah dari sekarang bahasa kebangsaan itu mulai di-ajar dan di-galakkan di-Sarawak.

Apabila bahasa kebangsaan kita telah sampai masa-nya menjadi bahasa rasmi di-Sarawak kelak, maka tidak-lah menjadi gangguan bagi ra'ayat Sarawak menerima-nya. Bagitu juga kalau bahasa kebangsaan telah menjadi bahasa perantaraan, atau bahasa rasmi—tidak ada bahasa Inggeris lagi di-Malaya ini pada tahun 1967 kelak,

ketika itu dapat-lah ra'ayat Sarawak mengiringi ra'ayat di-Malaya ini, biar pun tidak begitu mendaiam bahasa kebangsaan-nya. Tetapi, kalau kita hendak menunggu sampai bahasa kebangsaan itu telah menjadi bahasa rasmi di-Sarawak, baharu kita hendak belajar, atau baharu kita hendak menggalakkan ra'ayat Sarawak itu mempelajari-nya, maka itu ada-lah menyusahkan ra'ayat juga pada masa yang akan datang, kerana ra'ayat Malaya dan Singapura lain tari-nya, tetapi ra'ayat Sarawak pada ketika itu lain pula joget-nya; pada hal kita ini semua dalam Malaysia—ta' usah-lah kita pergi jauh, sa-bagai chontoh-nya, Tuan Pengerusi, mithal-nya dalam Dewan Ra'ayat kita ini sahaja pada tahun 1973 kelak, semua wakil² dalam Dewan ini dan segala² perkara yang akan di-binchangkan dan di-rundingkan pada masa itu kelak ada-lah menggunakan bahasa kebangsaan dan tidak ada penterjemah lagi ketika itu. Jadi, Tuan Pengerusi, apa hal-nya dengan wakil² dari Sarawak yang baharu sahaja hendak belajar bahasa kebangsaan—tentu-lah mereka itu saperti "Burong Nuri", orang menyanyi, dia menyanyi; orang menangis, dia menangis, tetapi dia tidak tahu apa erti-nya.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap sedikit lagi. Tuan Pengerusi, ra'ayat Sarawak yang berjiwa kebangsaan dan yang ta'at setia dengan Malaysia tentu menyambut baik dengan tindakan Kerajaan Pusat untuk mengembangkan bahasa kebangsaan, kerana mereka telah mengetahui bahawa bahasa kebangsaan ada-lah sa-bagai bahasa perantaraan di-antara satu puak dengan puak yang lain di-Sarawak; bagitu juga ketika berjual beli dan sa-bagai-nya.

Ada juga sa-buah persatuan ia-itu Persatuan Guru² di-Kuching, bukan di-seluruh Sarawak—di-Kuching yang telah mengeluarkan bantahan terhadap ranchangan hendak mengembangkan bahasa kebangsaan di-Sarawak, tetapi persatuan ini ada-lah sa-buah persatuan kecil yang hanya di-penohi oleh sa-gelintir manusia sahaja dan tidak meliputi seluruh Sarawak.

Jadi, di-sini, Tuan Pengerusi, saya suka menarek perhatian Kerajaan Pusat dalam perkembangan bahasa kebangsaan ini dan saya juga berharap bahawa bahasa kebangsaan ini dengan sa-lekas² mungkin-nya dapat di-kembangkan pula di-Sarawak. Sekian-lah, terima kaseh.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, I see that the Director of the Dewan Bahasa dan Pustaka unfortunately has left this Chamber. But, Mr Chairman, Sir, unfortunately what I have said about the National language yesterday was interpreted by the Minister of Education as a personal attack on the Dewan Bahasa dan Pustaka. Now, Mr Chairman, Sir, that was not my intention and, I hope, if he can get an official transcript of my speech, I did not personally attack the Director of the Dewan Bahasa dan Pustaka. In fact, I am bold enough to say that my relations with him are very good. For example, I think, it was last year that during the Bulan Bahasa Kebangsaan, I invited him to a school, where I was the Chairman of the Board of Managers, to judge the Bulan Bahasa Kebangsaan Competition and to give away the prizes. I do not know how many Chairmen of Board of Managers do that. I personally invited the Director to go there as an encouragement for the school children that they have the Director of the Dewan Bahasa dan Pustaka to judge and give away the prizes.

Next, I had invited him to talk to a group of professional people in Kuala Lumpur, to discuss with them the difficulties of the professional people in Kuala Lumpur and the way the Dewan Bahasa can best help these people learn and make use of the national language. Unfortunately, perhaps, the excuse given by the Director was that he was too busy. I hope one day still to invite him to give a talk on the national language, and I hope he can best help us. This group of people are willing to learn but perhaps find it difficult. Mr Chairman, Sir, I do know that the Dewan Bahasa is doing a great deal of work. It has produced many textbooks and the like for the schools, and it is doing a great deal of work—

and a good work at that. What I drew the attention of the Minister of Education was its failings, and that was interpreted by the Minister of Education as an attack on the Director. I stated that I have tried to get a good grammar book from the Dewan Bahasa. Now, Mr Chairman, Sir, for an intelligent professional man who is trying to learn the language naturally wants to have a good grammar book. This is missing from the Dewan Bahasa. The Dewan Bahasa, I repeat again, has produced three volumes of Kursus Bahasa Kebangsaan which, for the information of the Minister, I have just finished learning myself, and which shows that I am not against the study and I do practise what I preach. I have just finished learning all the three volumes. But these are meant solely for Government servants: it is not meant for the person who wants to know the language. Again, I commend to the attention of the Honourable Minister concerned that I have asked the Dewan Bahasa to produce books on "Synonyms and Antonyms" which, as I looked through the Senior Cambridge questions on *Bahasa Melayu* I find that they have very often been asked. Unless the students have an authoritative book—and I am yet to see an authoritative book on this—how can they pass any examination which they intend to?

Next, on the question of *Peri Bahasa* and *Simpulan Bahasa*, I have yet to see—as I have said, I have been to every exhibition of the Dewan Bahasa—a book produced by the Dewan Bahasa dan Pustaka.

Finally, Mr Chairman, Sir, I have yet to see a decent dictionary—there is no dictionary I know produced by the Dewan Bahasa dan Pustaka—produced by the Dewan Bahasa dan Pustaka. Now, Mr Chairman, Sir, the students there will tell us that amongst other things we must have a good dictionary, and good dictionaries unfortunately have been written by Sir Winstedt, Wilkinson and the like. Now, I would hope that instead of taking three or four years the Dewan Bahasa can very quickly produce a dictionary not only for my edification but for the edification of the students here. Perhaps, Mr

Chairman, Sir, if I may dilate a little, this word "penjelasan" has been used very often in this House. It is used in the context of "the reason", but, Mr Chairman, Sir, as I look at it, and as I have looked up all the dictionaries, "penjelasan" means "to give an explanation of accounts." The proper word, I thought, would be "keterangan". Now, as I see it, it is bandied about as "penjelasan". That is why a non-Malay who studies this language, perhaps, finds he is in a better position if he can discuss with the Director of the Dewan Bahasa to settle these differences which confuse the non-Malays. That is why, again, I made a constructive suggestion that there should be a seminar for non-Malays. After all, if you hold a seminar for the Malays to improve their own language, how will it benefit the non-Malays? I commend this again to the Director, through the Minister of Education, that he should quickly organise a seminar for the non-Malays so that these problems, these difficulties, experienced by the non-Malays in their desire to study the language can be brought out.

Finally, Mr Chairman, Sir, I congratulate the Director of the Dewan Bahasa when he came out with an outright condemnation of vandalism and hooliganism that have been perpetrated by the immature adults in this country. I praise him for it, and I do not see how that speech of mine yesterday could be interpreted as an attack on the Director. Far from be it for me to attack the Director, as I have said, I have always tried to work with him.

Enche' Ong Kee Hui (Sarawak): Mr Chairman, Sir, may I just make one point, because it was brought up by the Honourable Minister of Education. In his reply yesterday, he expressed some surprise that my Party had to come out in defence of the colonial system of education. I wish to say here quite categorically that far from defending that system, we in fact just made a point that the present system of education is the result of an Agreement entered into by the Government of the Federation of Malaya and other Governments concerned, and in that

Agreement were certain entrenched clauses. Whatever our reservations may be, what I tried to do was to sound a word of caution to the Minister that he should give due weight to the feeling of the people as a result of which this Agreement was entered into, and that whilst we support the idea of a national language, any agreement entered into should be respected, but the Minister unfortunately has interpreted that as our defence of the present system. I thought I ought to clear that point both in fairness to ourselves and to all concerned.

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sarawak telah menimbulkan lagi berkenaan dengan dasar pelajaran dan dasar kegunaan Bahasa Kebangsaan di-negeri itu. Sa-bagaimana saya telah berkali² terangkan bahawa polisi dan sistem pelajaran yang berjalan di-Sarawak pada masa sekarang ini akan terus berjalan sa-hingga masa 10 tahun yang akan datang, atau sa-hingga Kerajaan negeri itu mengubah polisi dan sistem itu. Jadi dengan sebab kuasa ini ada pada Kerajaan negeri, maka dengan yang demikian saya tidak dapat memberi kata yang tegas dalam hal ini, kechuali memberi akuan kepada Dewan ini yang saya akan berunding atas perkara² ini dengan Kerajaan Negeri yang bertanggung-jawab atas hal ini.

Berkenaan dengan tegoran yang di-datangkan oleh Yang Berhormat dari Tumpat dan Yang Berhormat dari Bachok tentang kelambatan perlaksanaan atas pemakaian dan kegunaan Bahasa Kebangsaan, itu-lah saya terangkan bahawa dengan ada-nya Bilek Gerakan dapat-lah jawatan-kuasa yang mengarahkan hal ini tahu dengan sa-jelas²-nya dan meranchangkan lagi langkah² yang akan di-jalankan supaya mempercepatkan lagi perkembangan kegunaan dan pemakaian Bahasa Kebangsaan itu. Tetapi sa-bagaimana yang saya telah jelaskan sa-malam bahawa Bahasa Kebangsaan ini ia-lah kepunyaan tiap² warga-negara di-dalam negeri ini, dan oleh sebab ia-nya adalah kepunyaan kita, maka menjadi kewajipan dan tanggung-jawab tiap² warga-negara menjalankan langkah

dan usaha sa-lain daripada yang dijalankan oleh Kerajaan bagi meluaskan lagi pemakaian dan perkembangan Bahasa Kebangsaan ini

Yang Berhormat dari Bachok telah juga bertanya berkenaan dengan penempatan guru² di-Sekolah Izuddin Shah. Saya tahu sekolah ini ada-lah sekolah yang di-dirikan oleh Kerajaan Negeri Perak dan Kerajaan Negeri itu telah berkali² meminta pertolongan daripada Kementerian Pelajaran supaya menempatkan guru² di-sana, tetapi dalam hal ini sunggoh pun Kementerian Pelajaran suka hendak menolong dalam usaha² saperti ini, tetapi oleh sebab bilangan guru² yang ada di-Kementerian ini tidak menchukupi dengan sa-penoh-nya bagi menempatkan mereka di-sekolah² Kerajaan, jadi sekolah yang saperti ini tentu-lah tidak mendapat keutamaan yang tinggi jika di-bandingkan dengan sekolah² yang lain. Walau bagaimana pun, saya akan menyiasat lagi hal ini supaya dapat di-selesaikan dengan memuaskan hati kedua² pihak.

Saya suka hendak menjelaskan kepada Yang Berhormat dari Batu yang saya suka mendengar bahawa dia mengaku yang Dewan Bahasa dan Pustaka telah menjalankan kerja yang baik dalam usaha melaksanakan Bahasa Kebangsaan, tetap maseh di-kehendaki banyak buku² dan juga dictionary di-adakan. Saya suka hendak menjelaskan bahawa Dewan Bahasa pada masa sekarang ini sedang berusaha menyusun satu dictionary dan kita mendapat bantuan sa-orang pakar yang di-hantar oleh UNESCO ka-mari. Dan sa-bagaimana saya katakan jika sa-kiranya kita berkehendakkan kegunaan dan pemakaian Bahasa Kebangsaan ini berjalan dengan lebeh chepat lagi pada masa akan datang, maka tiap² sa-orang daripada warga-negara kita hendak-lah memikul tanggung-jawab bagi menjalankan usaha² dan membantu usaha² yang di-jalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga membantu usaha yang di-jalankan oleh Kerajaan pada masa sekarang.

Question put, and agreed to.

The sum of \$50 for Head S. 16 ordered to stand part of the First Schedule.

House resumed,

Mr Speaker: The sitting is suspended till 4 p.m.

Sitting suspended at 1 p.m.

Sitting resumed at 4 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

THE SUPPLEMENTARY SUPPLY (1963 AND 1964 BILL)

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker in the Chair)

Head S. 17—

The Assistant Minister of National and Rural Development and Assistant Minister of Justice (Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub): Mr Chairman, Sir, I beg to move that a sum of \$285,471 for Head S. 17, Ministry of External Affairs, stand part of the Schedule. As detailed explanation is given in Command Paper No. 17 of 1964, I do not propose to speak at great length on this except to elaborate such further explanation as may be considered necessary.

Mr Chairman, Sir, under Sub-head 2, Administration and Sub-head 3, Carriage of Diplomatic Documents for Missions Overseas, additional provisions are required to meet higher rate of administrative expenses as a result of increased activity between the Ministry and its overseas Missions arising out of the policy pursued by the Government of Indonesia. With this increased activity, it is natural that such administrative costs as the despatch of documents and telegrams, have to be increased because of the heavier traffic of such communication.

With respect to Sub-head 14, the increased provision sought for is to meet higher charges on telegrams despatched from certain missions overseas, explanation of which has already been given in the Command Paper.

Mr Chairman, Sir, with the formation of Malaysia, a branch office of the Ministry of External Affairs will have to be established in Singapore, which

will have responsibility over the trade and consular Missions located in that Island, as well as to attend to various ceremonial matters pertaining to the entry and departure or the stopping-over in transit of foreign dignitaries in Singapore, which is the point of entry for various dignitaries visiting this country. For the purpose of the establishment of this branch office, various administrative costs as well as special expenditure will have to be incurred, that under Sub-heads 13A, 13B, 13c, 13D, 13E and 13F, amounting altogether to \$14,820, will have to be provided as recurrent costs to meet various items of administrative expenditure. Also for the branch office in Singapore, items of special expenditure for air-conditioners, library books, etc., as explained in Command Paper No. 16/64, amounting altogether to \$37,415, as shown under Sub-heads 33B, 33c, 33D and 33E, will also have to be provided.

As for the remaining items under various sub-heads adequate explanation has been given in Command Paper No. 17, and I do not propose to elaborate further.

I beg to move that the sum of \$285,471 for Head S. 17, Ministry of External Affairs, stand part of the Schedule.

Question put, and agreed to.

The sum of \$285,471 for Head S. 17 ordered to stand part of the First Schedule.

Heads S. 20, S. 22 and 24—

Enche' Tan Siew Sin: Mr Chairman, Sir, with your permission, I would like to take together the sums under Heads S. 20, S. 22 and S. 24 in the First Schedule totalling \$398,828.

Under Head 20—Treasury, an additional sum of \$346,318 is required. Sub-head 21 "Expenses of Delegates to Overseas Conferences" has to be supplemented owing to the increased number of international conferences which require our participation. The additional sum of \$195,000 required has been found from savings. A token supplement of \$10 is now sought.

Sub-head 27 "Refund to Singapore Government of Benefits under Straits Settlements Widows and Orphans Pension Scheme" requires an additional sum of \$164,700 to meet the claims which could have been settled in 1962 if they had not been received rather late in the year. Sub-head 31 "Road Grants to Municipalities" requires an additional sum of \$181,568 as the original provision of \$4 million for the year proved to be inadequate. Under Special Expenditure, Sub-heads 35 "Office Furniture and Equipment" and 37 "Typewriters" require an additional sum of \$12,370 to meet the cost of a printing machine and an embossing machine for the Pensions Branch of the Accountant-General's Department and to meet the purchase of two typewriters for the Organisation and Methods Division of the Treasury. The additional sum has been found from savings and a token supplement of \$10 each is now sought for these two sub-heads. Sub-head 44 is a new item to provide funds to meet the expenses incurred in connection with the financial talks in London last year. The expenses, amounting to \$31,099, have been met from savings and a token sum of \$10 only is required. The last item under Head 20 is also a new item to provide funds to meet the expenditure of the Malaysian Tariff Advisory Board which was established late last year. A new O.C.S.E. Sub-head 45 for a sum of \$14,153 has been created for the purpose. A token sum of \$10 only is required since the expenditure was met from savings.

Turning next to Head 22—Royal Customs and Excise, an additional sum of \$52,470 is required. I am taking Sub-head 1 together with Sub-heads 10A, 10B, 10C and 24 as they cover the newly established Headquarters of the Comptroller-General of Customs, Malaysia, for which provision of \$22,420 is required to meet Personal Emoluments, O.C.A.R. and O.C.S.E. expenditure. Of the required provision, a sum of \$22,410 has been advanced from the Contingencies Fund. O.C.A.R. Sub-head 7 "Secret Service" and Sub-head 8 "Transport" require an additional sum of \$70,000 to meet the additional

expenditure arising out of the stepping up of anti-smuggling operations. The amount has been found by way of virement and a token supplement of \$10 for each of the two sub-heads is now sought. O.C.S.E. Sub-heads 21, 22 and 23 are new items to provide funds to meet the cost of alteration and extension of the office of the Anti-Smuggling Division at Weld Quay, Penang, the cost of construction, including lighting and furnishing, of a Customs office-cum-warehouse at the North Klang Straits wharves and the purchase and installation of a receipting machine respectively. A provision of \$39,445 is required but only a token sum of \$10 is requested for each of these new sub-heads since the expenditure has been found from savings. The last item under Head 22 is also a new item which requires \$30,000, to meet the cost of printing 10,000 copies of the Malaysian Trade Classification, of which 8,000 copies were for sale to the public.

Under Head 24—Inland Revenue, an additional sum of \$35,640 is required. For Sub-head 2 "Administration", an additional sum of \$12,000 is required to meet the increased cost of light, power and water due to the installation of an air-conditioning plant in the Department and the increase in expenditure for the Alor Star, Johore Bahru, and Malacca offices. For Sub-head 7 "Printing and Stationery" an additional sum of \$10,000 is required to meet the cost of additional supplies of printed forms and the like as a result of the increase in the number of taxpayers. For Sub-head 8 "Refund of Overpayments", an additional sum of \$10,000 is required to meet claims for overpayment of estate duty and Business Registration fees. For Sub-head 10, an additional provision of \$3,600 is required to meet the rent in respect of the Branch Office in Johore Bahru for November and December, 1963. A token sum of \$10 only is required for each of these 4 Sub-heads since the rest of the provision has been found from savings.

Enche' Ong Kee Hui (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I would like to seek information from the Honourable Minister of Finance on Sub-head 45,

Tariff Advisory Board. I know that this Board has just been formed, but we in the Borneo territories are naturally very interested in and concerned with the work of this Tariff Advisory Board, because we have in our territories various small industries, which at present enjoy protection. However, in the face of increasing competition from outside, the future of these industries is naturally a matter of great concern to us. I wonder whether at this stage the Honourable Minister could give us some information as to how representations could be made to the Board, because one or two of the industries which would be affected have, in fact, raised this matter from time to time—in Sarawak particularly.

Enche' Tan Siew Sin: Mr Chairman, Sir, as the Honourable Member from Sarawak is aware, one of the three Deputy Chairmen of the Board is selected by the Sarawak and Sabah State Governments jointly. That Deputy Chairman is Mr Hepburn, the former Financial Secretary of Sarawak. Apart from that, the Honourable Member may also be aware that the Board, i.e. the Chairman and three Deputy Chairmen, if I am not mistaken, are now actually in the Borneo States. And if any industries wish to take advantage of their visit, I would suggest that they approach the members of the Board who are there now, and ask them as to the best way they could go about seeking protection for their respective industries.

Question put, and agreed to.

The sums of \$346,318 for Head S. 20, \$52,470 for Head S. 22, \$40 for Head S. 24 ordered to stand part of the First Schedule.

Head S. 25—

The Minister of Health (Enche' Bahaman bin Samsudin): Tuan Pengerusi, saya menhadangkan perbelanjaan sa-banyak \$50 di-bawah Kepala S. 25 di-luluskan.

Keterangan berkenaan dengan perbelanjaan itu ada di-beri di-dalam Command Paper 17/64, muka 76-78, dan tidak ada apa² tambahan yang hendak di-nyatakan.

Jadi, saya pohonkan perbelanjaan itu supaya di-luluskan.

Question put, and agreed to.

The sum of \$50 for Head S. 25 ordered to stand part of the First Schedule.

Heads S. 26, 5. 27 and S. 28—

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub:

Mr Chairman, Sir, with your permission I would like to take the three Heads together.

I beg to move that the sum of \$19,862 for Head S. 26, Ministry of Information and Broadcasting, the sum of \$90 for Head S. 27, Broadcasting, and the sum of \$40 for Head S. 28, Information, stand part of the First Schedule. Adequate and clear explanation is given in Command Paper No. 17, on pages 38, 39, 40, 41 and 42. I do not wish to elaborate further.

Mr Chairman, Sir, I beg to move that the total sum of \$19,992 for the three Heads—S. 26, S. 27 and S. 28—stand part of the Schedule.

Enche' Ong Kee Hui: Mr Chairman, Sir, under Head 27, Broadcasting, I wonder whether the Assistant Minister could tell us—I am afraid I have to direct these questions to him—if the Government would consider some time or other modelling the subject of broadcasting on the lines of the B.B.C., i.e. broadcasting might well come under an independent corporation. Would the Government at some stage consider setting up such a corporation?

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Mr Chairman, Sir, there is at this stage no decision with respect to that matter yet. I am not in a position to say whether or not in the very near future the Government would consider such a move.

Question put, and agreed to.

The sums of \$19,862 for Head S. 26, \$90 for Head S. 27, and \$40 for Head S. 28 ordered to stand part of the First Schedule.

Headd S. 30 and S. 51—

Enche' Mohamed Ghazali bin Haji

Jawi: Tuan Pengerusi, dengan izin tuan saya mengemukakan Kepala S. 30, Aborigine Affairs \$47,420 dan Kepala S. 51, Geological Survey, \$10. Kedua² ini telah pun di-masokkan ka-bawah Kementerian baharu, ia-itu Kementerian Tanah dan Galian.

Keterangan² berkenaan dengan perbelanjaan itu telah pun di-sebutkan di-dalam Command Paper No. 17/64 muka 43 dan muka 55.

Saya pohonkan kedua² perbelanjaan ini di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual.

Question put, and agreed to.

The sums of \$47,420 for Head S. 30 and \$10 for Head S. 51 ordered to stand part of the First Schedule.

Heads S. 35, S. 36, S. 39 and S. 40—

The Minister of Home Affairs (Dato' Dr Ismail): Mr Chairman, Sir, with your permission, I would like to take Heads S. 35, S. 36, S. 39 and S. 40 together.

Sir, I would like to move that a sum of \$30 under Head S. 35—Printing, a sum of \$247,510 under Head S. 36—Prisons, a sum of \$20 under Head S. 39—Ministry of Internal Security and a sum of \$7,862,129 under Head S. 40—Royal Malaysia Police, stand part of the Schedule.

Sir, the explanations are fully given in the Treasury Memorandum and I do not propose to enlarge on them.

Question put, and agreed to.

The sum of \$30 for Head S. 35, the sum of \$247,510 for Head S. 36, the sum of \$20 for Head S. 39 and the sum of \$7,862,129 for Head S. 40 ordered to stand part of the First Schedule.

Heads S. 42 and S. 43—

The Assistant Minister of Justice (Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub):

Mr Chairman, Sir, with your permission, I beg to move the two Heads together and I accordingly move that a sum of \$93,145 under Head S. 42—Judicial and a sum of \$20 under Head

S. 43—Attorney-General stand part of the Schedule. Explanations are given in Command Paper No. 17 of 1964, on page 52 for the Judicial Head and on pages 52 and 53 for the Head "Attorney-General." I do not propose to elaborate further.

Question put, and agreed to.

The sum of \$93,145 for Head S. 42 and the sum of \$20 for Head S. 43 ordered to stand part of the First Schedule.

Heads S. 45 and S. 46—

Enche' Bahaman bin Samsudin: Tuan Pengerusi, dengan izin Tuan Pengerusi, saya chadang hendak mengambil Kepala S. 45 dan S. 46 ia-itu \$10 pada satu² bahagian, atau satu² Kepala sa-kali gus.

Saya menhadangkan supaya perbelanjaan sa-banyak \$20 di-bawah Kepala S. 45 dan Kepala S. 46 diluluskan. Keterangan-nya ada dinyatakan dalam muka 53 dan 54 dalam Command Paper No. 17 of 1964 dan saya pohon supaya perbelanjaan itu di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual.

Question put, and agreed to.

The sum of \$10 for Head S. 45 and the sum of \$10 for Head S. 46 ordered to stand part of the First Schedule.

Head S. 49—

The Assistant Minister of National and Rural Development (Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Pengerusi, saya menhadangkan supaya wang sa-jumlah \$30 di-bawah Kepala S. 49 bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar menjadi sa-bahagian daripada Jadual. Penjelasan-nya ada tertulis dalam Command Paper No. 17 of 1964, muka 54 dan 55. Saya tidak akan memberi penjelasan yang lain lagi, kerana saya rasa tidaklah perlu.

Tuan Pengerusi, saya pohon supaya jumlah wang yang tersebut itu menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Question put, and agreed to.

The sum of \$30 for Head S. 49 ordered to stand part of the First Schedule.

Heads S. 56 to S. 60—

The Minister of Transport (Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Pengerusi, saya minta kebenaran Tuan Pengerusi hendak mengambil Kepala² S. 56, S. 57, S. 58, S. 59 dan S. 60 dijalankan sa-kali gus:

Kepala S. 56 wang peruntokan yang di-pohonkan sa-banyak \$20;

Kepala S. 57 wang peruntokan yang di-pohonkan sa-banyak \$30;

Kepala S. 58 wang peruntokan yang di-pohonkan sa-banyak \$40;

Kepala S. 59 wang peruntokan yang di-pohonkan sa-banyak \$10; dan

Kepala S. 60 wang peruntokan yang di-pohonkan sa-banyak \$30.

Maka jumlah semua-nya ia-lah \$130 untok di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual dalam Rang Undang² ini. Sabagaimana yang telah di-terangkan dalam Command Paper No. 17 of 1964, muka 58 maka ta' payah-lah saya hendak sambong lagi ia-itu telah terang di-sini. Jika ada keterangan yang di-kehendaki saya akan terangkan lagi.

Saya mohon menhadangkan Kepala² tersebut supaya di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual ini.

Question put, and agreed to.

The sum of \$20 for Head S. 56, the sum of \$30 for Head S. 57, the sum of \$40 for Head S. 58, the sum of \$10 for Head S. 59, and the sum of \$30 for Head S. 60 ordered to stand part of the First Schedule.

Heads S. 62, S. 63 and S. 65—

The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan): Mr Chairman, Sir, with your permission I would like to move the three Heads under my Ministry together, and accordingly I beg to move that a sum of \$643,914 under Head S. 62, a sum of \$90 under Head S. 63 and a sum of \$437,000 under Head S. 65 stand part of the Schedule. I would like to refer Honourable Members to Command Paper No. 17 of 1964 which accompanies these

estimates and it has details with regard to the various items.

I would in passing, however, mention that under Head S. 62 I am asking for a token provision of \$10 for the purpose of replacing the riverine boat "SRI SARDON" (*Laughter*), which is in a very poor condition. It is leaking badly and has to be changed, because it is beyond economical repair.

Question put, and agreed to.

The sum of \$643,914 for Head S. 62, the sum of \$90 for Head S. 63 and the sum of \$437,000 for Head S. 65 ordered to stand part of the First Schedule.

SECOND SCHEDULE

Heads S. 1, S. 3, S. 7 and S. 8—

Enche' Mohamed Ghazali bin Haji

Jawi: Tuan Pengerusi, dengan izin Tuan, saya mengemukakan di-bawah Jadual Yang Kedua. Perbelanjaan di-bawah S. 1—Parliament sa-banyak \$108,010; di-bawah S. 3—Auditor-General sa-banyak \$20; di-bawah S. 7—Prime Minister sa-banyak \$236,514; dan di-bawah S. 8—Federation Establishment Office sa-banyak \$20 di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual. Keterangan² berkenaan dengan perbelanjaan² ini telah pun di-terangkan dalam Command Paper Bilangan 19 Tahun 1964 daripada muka 5 hingga muka 9. Dengan ini saya mohon supaya perbelanjaan di-bawah empat² Kepala itu di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual.

Question put, and agreed to.

The sums of \$108,010 for Head S. 1, \$20 for Head S. 3, \$236,514 for Head S. 7, and the sum of \$20 for Head S. 8 ordered to stand part of the Second Schedule.

Head S. 12—

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan Kepala S. 12 peruntukan sa-banyak \$204,057 di-luluskan bagi perbelanjaan tambahan Kementerian ini. Tuan Pengerusi, segala keterangan tiap² satu Kepala-kecil ada-lah di-tunjokkan dalam Command Paper No. 19 muka 10 Nombor 20 sampai 22.

Question put, and agreed to.

The sum of \$204,057 for Head S. 12 ordered to stand part of the Second Schedule.

Head S. 13—

The Minister of Commerce and Industry (Dr Lim Swee Aun): Mr Chairman, Sir, as indicated in the Treasury Memorandum contained in Command Paper 19 of 1964, approval is sought for Head S. 13, Ministry of Commerce and Industry for the sum of \$1,234,705.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap atas Pechahan Kepala (Baharu) 28—Kursus Teknik bagi Kontrektek² Melayu yang di-untokkan sa-banyak \$23,000. Ini kerana hendak melateh pemborong² Melayu dan membolehkan mereka masuk lapangan pemborongan² kerja yang ada dalam pejabat² kerajaan. Saya berasa besar hati atas peruntukan ini, sebab ini membolehkan pemborong² Melayu yang tidak ada pengalaman dan juga yang ada pengalaman mendapat pengalaman yang lebeh lagi.

Saya hendak menegor sedikit chara² memilih pemborong² yang di-ambil untuk mengambil kursus itu. Saya harap pemborong² yang betul² di-hantar mengambil kursus itu. Saya dapat tahu dua tiga hari lagi ada satu kursus yang akan di-adakan di-Kuala Lumpur. Tetapi sa-orang pemborong yang di-ambil daripada kawasan saya itu, bukan-lah daripada pemborong. Jadi saya rasa patut Kementerian ini, bila hendak mengambil pemborong² berunding-lah lebeh dahulu dengan persatuan² mereka supaya ahli pemborong yang benar masuk dalam kursus ini.

Usaha Kerajaan menolong orang Melayu saya puji, tetapi saya suka mengingatkan atau memberi pandangan ia-itu hendak-lah mengambil segala tindakan terhadap penghalang² daripada pehak² yang tertentu terhadap pemborong² Melayu yang mengambil bahagian yang chergas dalam kerja pemborongan di-pejabat² kerajaan. Saya suka memberi satu dua chontoh, ia-itu penghalang² yang tertentu berasa

susah hati, sebab pemborong² Melayu masuk dalam segala lapangan pemborongan. Umpama-nya, Tuan Pengerusi, di-negeri Pahang, Pejabat D.I.D. langsung tidak mahu melayan arahan² yang di-buat oleh Kementerian Perdagangan dan Perusahaan terhadap pemborong² Melayu yang mana pada masa meshuarat yang saya hadhir segala pemborongan yang berharga \$5,000 ka-bawah tidak payah di-tender, chuma di-beri sahaja, tetapi pejabat ini mengenepikan sama sa-kali, atau pun tidak dapat perintah, saya tidak tahu, di-atas arahan² yang saya perchaya telah di-beri kapada mereka² sabagaimana yang kita dengar dalam surat-khabar dan sa-bagai-nya.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, Pejabat Kerja Raya, Pahang menchari satu helah macham mana-kah pemborong² Melayu ini tidak boleh masuk dalam pemborongan. Saya suka memberi satu chontoh, Tuan Pengerusi, pemborongan memechah batu. Pada masa² yang lalu pemborongan ini di-buat oleh konterekter Kelas D—pada masa itu memang pemborong Melayu tidak ada Kelas D, tetapi pada masa ini ada satu dua konterekter Melayu yang berdaftar Kelas D ini. Apa yang telah di-buat, Tuan Pengerusi, di-naikkan kelas memechah batu itu kapada Kelas C, sebab orang Melayu tidak ada Kelas C, jadi tidak ada peluang pemborong² Melayu hendak masuk. Lagi satu chara, Tuan Pengerusi, pada masa yang lalu belum pernah kita dengar pejabat kerajaan mengenakan bayaran kerana hendak menjadi konterekter, maka sekarang di-kenakan dalam negeri Pahang, ia-itu konterekter Kelas D ka-atas kena membayar 5500, \$700 dan \$1,000 mengikut kelas²-nya pada hal bila konterekter ini mendapat kerja terpaksa pula membayar deposit. Jadi, ini saya pandang satu helah bagaimana hendak menyekat orang Melayu masuk dalam segala pemborongan. Mereka tahu dalam negeri Pahang sekarang orang Melayu ada Kelas D, tetapi dengan chara ini oleh sebab orang Melayu kekurangan wang tentu-lah hendak menyimpan \$750 di-Pejabat Kerja Raya itu ada-lah wang yang besar juga dan ini tidak membolehkan mereka

menjalankan kerja pemborongan itu. Jadi ini-lah satu chara yang saya faham dan mengerti yang sengaja hendak menyekat orang Melayu mengambil bahagian dalam pemborongan² ini.

Ini-lah dua tiga tegoran yang saya hadapkan kapada Kementerian. Kalau kita mengadakan kursus sa-macham ini dengan berhajat supaya orang Melayu mengambil bahagian yang chergas, tetapi jika ada penghalang² yang sa-macham itu, maka mereka² ini patut di-singkirkan, pertama² sa-kali Pegawai² Expatriate yang ada dalam Pejabat Kerja Raya dalam negeri ini, yang saya tahu bertujuan tidak hendak menolong kapada orang Melayu. Sebab saya telah berunding dengan beliau, muka dan tutor kata mereka sangat manis, tetapi bila mereka menjalankan kerja itu-lah chara-nya.

Saya mewakili pemborong² Melayu. Mereka meminta saya menyuarakan perkara ini dalam Parlimen ini supaya dapat tindakan atau perhatian daripada Kementerian yang bersungguh² hendak menganjorkan orang Melayu mengambil bahagian yang chergas dalam pemborongan ini. Saya minta perhatian yang berat, Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini. Sambil bagitu saya telah berjanji dengan Menteri Kerja Raya yang saya akan menyampaikan dengan sa-chara bertulis terhadap perkara² yang telah saya uchapkan tadi dan bagitu juga saya akan menyampaikan chara bertulis kapada Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan terhadap apa yang saya chakapkan dalam Dewan ini.

Datin Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bahru Timor): Tuan Pengerusi, Head S. 13 ia-itu wang tambahan kerana Pertunjukan Perdagangan di-New York sana sa-banyak \$954,495. Saya kira peruntokan sa-banyak ini bukan sahaja mustahak di-adakan bahkan kalau boleh mahu-lah angka jumlah wang yang lebeh banyak dan lebeh besar dari itu kira-nya kita tidak mahu tertinggal di-belakang dalam perlumbaan memperkenalkan hasil² tanah ayer kita yang boleh dapat di-tunjukkan didalam perdagangan itu. Sebab pun

saya katakan begitu, menurut berita² akhbar tidak kurang 70 juta orang akan menyaksikan segala benda yang di-pamirkan dalam pameran perdagangan tersebut. Tetapi apa yang terjadi kepada gerai² kita di-sana, saya perchaya tentu-lah tuan² Yang Berhormat sakalian juga telah tahu sebab tentu-lah masing² ada menyimpan potongan daripada berita² dalam surat² khabar. Sa-sunggoh-nya sangat mendukachitakan kita sa-kira-nya benar apa yang di-tuliskan oleh orang di-dalam surat² khabar itu yang berbunyi di-antara lain²-nya:

"Gerai makan kita di-buka sudah hari hampir petang atau malam, sedangkan penuntut² yang ramai yang datang hendak makan masakan Tanah Melayu di-waktu tengah hari dan apa yang mereka saksikan pada tatkala itu ia-lah pinggan-mangkok kotor yang berlonggok² di-dapor".

Sa-lain daripada itu gerai kita khabar-nya hanya di-penohi oleh gambar² sahaja sedangkan yang di-kehendaki oleh penuntut² di-sana ia-lah benda² atau bahan² yang betul bukan-nya lukisan atau gambar sahaja. Umpamanya kalau getah mereka mahukan kepingan getah itu walau pun sa-chubis mesti ada di-atas meja atau di-atas almari kita itu, demikian juga benda² yang lain. Pemandu yang bertugas untuk memberi penerangan kepada penuntut² di-gerai kita itu pula khabar-nya sa-orang Amerika yang tidak tahukan selok belok negara kita. Bila datang penuntut² itu bertanya, dia tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Khabar-nya ada sa-orang Amerika bertanya kapada-nya, di-mana-kah letak-nya negara Malaysia, wanita itu pun menjawab dia sendiri pun tidak tahu barangkali dekat dengan New Zealand kata-nya (*Ketawa*). Jadi kalau-lah betul apa yang berlaku sa-macham ini tentu-lah merugikan tujuan kita menyertai pameran perdagangan sa-dunia itu.

Lagi satu pula, penuntut² itu sangat kechewa kerana di-gerai kita tidak ada benda² yang boleh di-jadikan chendera mata yang mereka hendak beli buat kenangan², umpama-nya keris kecil yang di-perbuat daripada perak, kain² batek atau songkit yang boleh di-anggap sa-bagai hak pertukangan kebangsaan Malaya atau Malaysia.

Dengan sebab itu menganggap gerai kita tidak mempunyai daya menarek penuntut² yang datang beramai². Tetapi segala²-nya tidak-lah boleh di-persalahkan orang yang bertugas di-sana sebab mungkin pada mula²-nya kita tidak ada membuat plan² yang tertentu. Tuan Pengerusi, bagaimana pun masa-nya maseh ada lagi untuk di-perbaiki di-antara-nya banyakkallah bahan² contoh keluaran tanah ayer kita yang boleh di-perdagangkan keluar negeri sebab benda² ini-lah yang saya rasa sangat mustahak di-perkenalkan kepada dunia. Dari itu saya perchaya dan saya fikir wang peruntukan yang akan di-berikan kelak ia-lah lengkap dengan ranchangan² baharu yang baik dan munasabah supaya tidak-lah sia² usaha negara kita ka-arrah yang di-maksudkan.

Kedua-nya, Tuan Pengerusi, ia-itu mengenai dengan Head 14 Sub-head Bilangan 34. Menurut anggaran dan perbelanjaan biasa bekalan api letrik di-kampung² ia-itu bantuan sementara kerana menutup kerugian tahun 1963 berjumlah \$266,814 dan tahun 1964 \$257,200, mungkin tahun 1965 Kerajaan akan mengeluarkan wang kerana menutup kerugian ini berjumlah lebeh kurang saperti ini. Di-dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, di-dalam memorandum Perbendaharaan ada menyatakan bahawa perbelanjaan ini di-pohonkan oleh kerana pehak Lembaga Letrik Pusat bagi Negeri dan Majlis Tempatan mengambil aleh tugas mengelolakan tetapi sa-hingga hari ini nampak-nya tanggung-jawab ini belum lagi berjalan sa-bagaimana yang di-jangkakan. Dari itu boleh-kah agaknya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat menyatakan sebab-nya menjadi begitu rumit sa-kali bagi Lembaga Letrik Pusat bagi Negeri dan Majlis² Tempatan ini hendak menjalankan tugas mengambil aleh itu dari sa-tahun ka-satahun, mengadakan perbelanjaan kerana menutup kerugian pada tiap² tahun kerana pehak yang mengambil aleh itu-lah yang bertanggung-jawab dengan untong dan rugi-nya.

Ketiga-nya, Tuan Pengerusi, ia-itu dalam Kepala 13 juga butiran 26, saya ingin mendapat sedikit penjelasan

daripada pihak Kementerian yang berkenaan dengan kemushkilan saya ini, ia-itu saya telah di-fahamkan ada dua jawatan yang berkenaan di-Pejabat Pendaftaran Sharikat telah lama di-lakukan dengan chara pemangku sahaja, manakala pegawai² yang memangku jawatan itu ada mempunyai kerja² yang lain ia-itu kerja mereka sendiri, ini boleh menyebabkan pegawai itu tidak dapat menumpukan masa-nya yang penoh kepada tugas pejabat pendaftar tersebut. Pada tahun yang lalu saya perchaya, Tuan Pengerusi maseh ingat lagi, sudah pun kita dengar sungutan² rasa tidak puas hati daripada sharikat² Melayu yang kena tolak permohonan mereka yang bertulis dalam bahasa kebangsaan. Alasan² yang di-berikan atas penolakan tersebut konon-nya Undang² yang membolehkan menggunakan bahasa kebangsaan bagi pendaftaran sharikat itu sedang di-pinda. Jadi sekarang saya ingin tahu boleh-kah agak-nya siap sahaja Undang² yang di-pinda itu ia-itu Undang² yang membolehkan sa-suatu sharikat itu menghantarkan peratoran² sharikat mereka di-dalam bahasa kebangsaan.

Yang kedua, boleh-kah saya dapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apa-kah sebab-nya ketua² jawatan tadi tidak dapat di-isikan dengan pegawai² tetap bukan di-pangku saperti yang ada sekarang, terima kaseh.

The Assistant Minister of Commerce and Industry (Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kaseh kepada Yang Berhormat wakil dari Temerloh di-atas tegoran² yang telah di-buat-nya, dan segala tegoran² yang membena saya telah pun mengambil ingatan dan usaha² akan di-jalankan bagi menyempurnakan-nya.

Berkenaan dengan pelawaan contractor² Melayu untuk menghadziri kursus yang tersebut, sukachita-lah saya menyatakan ada satu Jawatan-kuasa di-tubuhkan khas untuk memilih contractor² untuk menyertai kursus² yang telah di-adakan dan akan di-adakan. Ahli² Jawatan-kuasa pemilih ini terdiri daripada pegawai² Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan juga pegawai² daripada Pusat

Daya Pengeluaran Negara. Contractor² yang di-timbang untuk menghadziri kursus ini ia-lah contractor² yang telah memberi nama mereka dan memberi persetujuan yang mereka ini ingin hendak menyertai kursus itu. Contractor² ini ia-lah contractor² kelas F dan E yang telah berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya. Oleh itu, saya menolak dengan sa-kuat²-nya tuduhan yang mengatakan ada contractor² Melayu yang belum lagi menjadi contractor² telah hadzir kursus yang pertama.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, boleh-kah saya bertanya kepada Penolong Menteri Perdagangan dan Perusahaan? Saya hendak tahu contractor² daripada Kelantan telah di-jemput juga, dan ada-kah Menteri Yang Berhormat juga tahu bahawa sa-nya di-sana di-jalankan jemputan ini mengikut political sentiment? Saya tahu banyak daripada contractor² Melayu tidak tahu atau pun yang menyokong party Islam sa-Tanah Melayu tidak di-jemput. Bagaimana yang betul-nya? Kalau bagitu saya harap mendapat penjelasan Menteri Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman: Tuan Pengerusi, sukachita saya menyatakan memang ada peserta² contractor Melayu daripada Kelantan. dan dalam perkara ini tidak ada perbezaan. Saya harap Yang Berhormat daripada Kelantan Hilir dapat bagi tahu kepada saya ada-kah orang itu orang UMNO atau PAS. Saya pun tidak tahu orang ini PAS atau tidak PAS.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Ulasan tambahan, Tuan Pengerusi. Mengikut record ia-lah ada tindakan di-atas contractor² orang² Melayu yang menyokong PAS itu yang berkechuali yang tidak menyokong mana² parti. Oleh sebab yang demikian saya bersedia memberikan nama² contractor² itu pada Menteri Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman: Saya ingat tuduhan² itu tidak benar, tetapi kalau boleh bagi kenyataan yang tepat, saya boleh-lah menyiasatkan perkara itu.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud: Kalau sa-kira-nya Yang Berhormat itu berkehendakkan nama orang itu, saya boleh beri, yang bukan contractor di-pilih hendak mengadakan kajian di-Kuala Lumpur ini.

Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman: Terima kaseh-lah di-atas kerjasama Ahli² Yang Berhormat. Saya pun memang-lah dari masa ka-samasa sanggup untuk membetulkan apa² yang sedang di-selenggarakan, dan jika Ahli² Yang Berhormat dapat memberi kerjasama menunjukkan apa² kesalahan, saya ucapkan berbanyak² terima kaseh. Dalam perkara memajukan orang² Melayu dalam perniagaan dan perusahaan, ia-itu satu kewajipan yang besar dan, berat, saya bergantung juga kepada semua lapisan orang² kita yang ada dalam Persekutuan Malaysia ini. Ada satu kenyataan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat yang mengatakan Kerajaan membuat keputusan ia-itu kerja² \$25,000 ka-bawah tidak payah di-tender. Sa-benar-nya kerja² \$25,000 ka-bawah kena-lah di-tender. Tetapi kalau sa-kira-nya tender yang di-buat oleh orang Melayu kita itu, lebih mahal sedikit daripada orang yang bukan Melayu, tetapi kelebihan-nya itu tidak lebih daripada lengkongan 5% daripada sa-orang yang bukan Melayu, kita beri keistimewaan kepada contractor Melayu itu. Itu keputusan yang sa-benar-nya, dan tidak bagaimana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Lagi satu kenyataan saya patut jelaskan ia-itu kerja² \$10,000 ka-bawah tidak payah di-tender. Dengan itu tidak-lah berma'ana kita hendak memberi kerja² khas kepada orang Melayu. Chuma kita mengatakan tidak payah di-tender, berma'ana kerja² boleh-lah di-beri dengan jalan indent atau schedule of rate.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, may I ask the Honourable Assistant Minister of Commerce and Industry for a few points of clarification?

Mr Chairman, Sir, I for one am very glad that the Government has thought it fit to hold a course for Malay contractors to bring them up

to enable them to fight against the others in the same field. I do not know, but I am sure the Assistant Minister concerned is aware that contracting is a very competitive business. It is not a field where it is all milk and honey, and I hope that in the course that is given to these people, they should be warned of the pitfalls of this very competitive business. Many contractors have got their fingers very badly burnt in trying to get contracts here and there.

I also want to bring to the attention of the Honourable Assistant Minister that in such a course what should be inculcated into some of these trainees is that there is no easy way in this competitive business of contracting. Many successful contractors in this country have all risen from the ranks. They had been varnish painters, they had been what you call painters of walls, they had been carpenters; and through serving a very long and arduous apprenticeship, they have today become multi-millionaires. That is the aspect of the training that I hope will be inculcated into the trainees.

Dr Lim Swee Aun: Mr Chairman, Sir, in reply to the concern expressed by the Honourable Member for Batu that Malay contractors should be warned about the pitfalls of the contracting business, we on this side of the House fully realise these problems, hence the need for the running of this Technical Training Course for Malay contractors; and in that Course the syllabus includes the technique of planning, progress control, scheduling procedures, purchasing, material control and standardization, works specification, materials handling, finance, job estimating, understanding specifications, and principles of law and contract. Sir, it might be very ambitious, but we feel that some use has been gained from running this Course.

In reply to points raised by the Honourable Member for Johoro Bahru Timor, I am as concerned as she is over the newspaper reports on the poor showing of our Pavilion at the New York World Trade Fair. I have since asked for an investigation and,

as I said yesterday, I am able to produce photographs of our Pavilion there which do not appear to justify the bad reports that have been appearing in the newspapers. In fact, our restaurant has been very popular, perhaps more popular than the other exhibits, I am afraid. She has suggested that there should have been more exhibits in our Pavilion. This we quite agree, but in the light of what I said yesterday, that in trying to display as much as we can with the limited amount of money, we had to restrict the number and variety of exhibits. Besides, as they were of commercial value and as appeals had been made to the commercial firms, who felt that it was not to their advantage to exhibit in New York because they do not have the volume of goods to be exported there, some of these commercial goods were not exhibited in our Pavilion.

The Honourable Member from Johore Bahru Timor also spoke on the question of rural electrification, but the item under discussion is really a subsidy for electricity supplied to new villages. If, however, some of the proposals which she has put up have not yet been implemented, then it is a matter for the Ministry of Rural Development.

She has also asked a very good question, and that is, why is it that the Central Electricity Board has not taken over all these new village supplies. Sir, there is a bit of history in this, in that, during the Emergency it was considered essential and urgent that these new villages, which were areas of resettlement, for security reasons, should have electricity supplied to them. Because of that, it was not an economic proposition. Hence the Government had to subsidise the electricity supplied to some of these villages. Since the end of the Emergency electricity supplied to those villages which were economic were taken over by the Central Electricity Board or by private enterprise, leaving a balance of about 70 villages which are non-economic and this is why we have to subsidise the electricity supplied to these new villages.

On the question of why the senior officers in the Registry of Companies are temporary, this is a matter which will be taken up with the Public Services Commission. They are in fact acting posts. On the question of when the national language can be used in the application for registration of companies, this matter too is under consideration along with the new revisions of the companies law.

Question put, and agreed to.

The sum of \$1,234,705 for Head S. 13 ordered to stand part of the Second Schedule.

Head S. 14—

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, saya menhadirkan perbelanjaan sa-banyak \$6,706,172 dibawah Kepala S. 14—Kementerian Pertahanan—di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual ini. Keterangan diatas perbelanjaan ini ada-lah diterangkan dalam Command Paper No. 19 of 1964.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap atas Kepala S. 14—Kementerian Pertahanan. Sa-belum daripada itu, saya menguchapkan tahniah ka-atas Kementerian ini yang telah menubuhkan Askar Wanita, sebab saya-lah yang awal sa-kali mengeshorkan kapada Kerajaan supaya di-tubuhkan Askar Wanita itu.

Saya chuma hendak menyentoh, Tuan Pengerusi, dalam Pechahan Kepala 28—Perbelanjaan Khas: Pechahan Kepala (Baharu) 108—Tempat Kediaman Sementara di-Wilayah² Borneo. Perkara ini, Tuan Pengerusi, menurut hemat saya, Kerajaan hams memikirkan dalam masa-alah mendapatkan wang yang dibelanjakan ini di-masa yang lalu yang mana berpuncha daripada kejadian yang di-lukukan oleh Kerajaan Indonesia. Oleh itu, saya mengutarakan supaya di-tuntut ganti rugi ini daripada Kerajaan Indonesia melalui saluran yang tertentu sama ada melalui Surohanjaya Pendamai yang di-telorkan daripada Tokyo, atau pun daripada Persidangan Perdana²

Menteri Commonwealth. Tragedy ini berlaku bukan daripada Malaysia, bahkan sa-mata² daripada Indonesia. Sejak confrontasi yang di-ishtiharkan oleh Indonesia, nelayan² kita sentiasa di-serang, di-samun, di-bunuh oleh kapal² meriam Indonesia—harta dan nyawa ra'ayat Malaysia di-Sabah dan di-Sarawak di-ancham oleh gurila² Indonesia; askar² yang bertanggong-jawab itu ia-lah orang² daripada Kerajaan Indonesia. Tidak boleh kita mensifatkan pemberontakan dalam negara, hal ini. Perbuatan yang demikian ada-lah merupakan yang Indonesia menchabul Piagam Bangsa² Bersatu dan menchabul Piagam Dasar Bandung.

Kita juga memberitahu Kerajaan Indonesia bahawa harta ra'ayat Malaysia bukan sa-umpama chichak, bukan sa-umpama tikus. Kita ada mempunyai maruah, kita ada mempunyai kedaulatan—ganti rugi ini ada-lah menjadi peringatan kepada Negara² yang besar dan ra'ayat yang ramai supaya di-ambil perhatian oleh Bangsa² Bersatu. Ada-lah menjadi pelindong kepada negeri² yang kecil sa-umpama Malaysia kalau ada kemusnahan daripada pehak Indonesia, tetapi bukan senjata yang di-datangkan oleh Malaysia—sa-mata² kita mempertahankan negara kita. Oleh itu, saya berharap bagi pehak Kementerian Pertahanan dapat memikirkan apa yang telah saya sebutkan dalam hal ini. Sekian, terima kaseh.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, saya berasa susah benar hendak menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara ini. Kita tahu dan faham, confrontasi ini ia-lah salah-nya daripada Indonesia, bukan salah daripada kita, tetapi bagaimana-kah kita hendak menuntut perbelanjaan ini daripada Kerajaan Indonesia? Ini perkara yang luar biasa, mustahil dia boleh bayar. Jadi, saya berseru-lah kepada Ahli² Yang Berhormat ia-itu dalam keadaan kita sekarang ini menghadapi confrontasi, kita hendak-lah tetapkan hati kita, tenangkan fikiran kita, jangan-lah di-biarkan fikiran kita melayang ka-langit memikirkan perkara² yang

mustahil yang kita boleh dapat bayaran daripada pehak Indonesia.

Question put, and agreed to.

The sum of \$6,706,172 for Head S. 14 ordered to stand part of the Second Schedule.

Head S. 15—

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Tuan Pengerusi, saya bangun menchadangkan wang peruntukan sebanyak \$30 di-bawah Kepala S. 15—Kementerian Pelajaran di-luluskan menjadi sa-bahagian daripada Jadual. Sebab² peruntukan ini di-minta ada di-terangkan dengan jelas-nya dalam Command Paper No. 19 of 1964 tetapi untuk mengelakkan Ahli Yang Berhormat dari Batu bangun berchakap, saya suka menerangkan berkenaan dengan Pechahan Kepala 31—Perbelanjaan Khas: Pechahan Kepala (Baharu) 137—Bantuan Wang kepada Pusat Shakespeare. Badan "Shakespeare Trust Fund" yang berada di-London, telah membuat rayuan kepada semua Kedutaan dan juga High Commission, London, untuk mengadakan satu centre dalam tahun 1964 ini bagi memperingati genap-nya Shakespeare lahir 400 tahun dahulu. Jadi, 56 buah negara telah menyokong badan ini dan memberi derma, termasuk-lah Malaysia yang pada timbangan dan ingatan Kerajaan, patut-lah juga kita menyerta dengan negara² yang lain dalam memperingati sa-orang ahli sastera yang mashhor itu. Sekian.

Enche' Edmund Langgu anak Saga (Sarawak): Head S. 15, Mr Chairman, Sir. I was very much surprised to hear the remarks on education made by the Honourable lady Member from Sarawak this morning. Regarding her suggestion to implement immediate Malay

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Mr Chairman, Sir, on a point of order—Standing Order 67 (5).

Mr Chairman: {To Enche' Edmund Langgu anak Saga} Yes, that has no connection whatsoever with this.

Enche' Edmund Langgu anak Saga: Can I continue?

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Mr Chairman, Sir, Standing Order 67 (5) says:

"The debate on a supplementary Supply Bill in Committee of Supply shall be limited to the particulars contained in the estimates"

There is nothing mentioned under Head S. 15 about education in Sarawak, according to the remarks made by the Honourable lady Member from Sarawak this morning.

Mr Chairman: Will you confine your debate on the particulars contained in the estimates only? That is the only thing you can speak about.

Enche' Edmund Langgu anak Saga: Since she was permitted to speak, why not I, Mr Chairman, Sir? I just wish to touch very little regarding the education policy, Sir. It is something like a clarification.

Mr Chairman: No. You can only speak on particulars contained in the estimates on which the supplementary appropriations are sought.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir

Mr Chairman: Just a minute. (To Enche' Edmund Langgu anak Saga) Can you understand that?

Enche' Edmund Langgu anak Saga: I cannot hear very well, Mr Chairman, Sir.

Dr Tan Chee Khoon: (Rises).

Mr Chairman: Do you want to say something?

Dr Tan Chee Khoon: I think the Honourable Assistant Minister should not stick so much to his "bible". So many Members from Sarawak this morning did not speak on particular items in question: they spoke on education in Sarawak in general. The Honourable Member behind me here spoke, the Honourable lady Member from Sarawak spoke, there are so many other Members from Sarawak spoke, and, Mr Chairman, Sir, no one chose to pull them up. The Honourable Member now seeks a little bit of clarification, and I do not see why he should be gagged when he was in very

good company, if he is offending the Standing Order?

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Mr Chairman, Sir, the Honourable lady Member from Sarawak spoke on the question of the national language. May I refer the Honourable Member to Command Paper 17 of 1964, Head S. 16, page 25.

Question put, and agreed to.

The sum of \$30 for Head S. 15 ordered to stand part of the Second Schedule.

Head S. 16—

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Mr Chairman, Sir, I beg to move that the sum of \$1,519,292 for Head S. 16, Ministry of External Affairs, stand part of the Schedule.

Adequate and clear explanations are contained in pages 14, 15 and 16 of Command Paper 19 of 1964. I do not propose to elaborate further, but would be prepared to answer any question that may arise.

Dr Tan Chee Khoon: May I ask for clarification on one or two points under Head S. 16, page 14 of this Command Paper 19 of 1964, 33 (iii) and (iv)? I found both of these items have justification for the purchase of new cars. But may I know, in exact terms, the meaning of the words "uneconomical to maintain"? When does a car become "uneconomical"? Is it after one year, after two years, or after three years?

Mr Chairman, Sir, on page 16 of the same Command Paper, I refer to this provision of \$197,676. When I spoke about this I was surprised that the Minister of Commerce and Industry replied on this. But not wishing to take up much of the time of this House I did not interrupt him—I did not know whether he was taking on the mantle of the Ministry of External Affairs. I maintain that this is a very extravagant way of buying publicity. I think that this sum of money, although spent on a very well-known and very widely circulated paper in the United States, could very well be spent on commentaries and on films, which should

be sent to our Embassy there, where they can be distributed free for filming in the various theatres in the United States. This would be far cheaper and, perhaps, more effective than buying publicity through the special supplement of the *New York Times*.

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Mr Chairman, Sir, whether a car becomes economical or uneconomical after one year, depends on the type of the car. One can use a Mercedes Benz up to five years, but one cannot use a cheaper car after, perhaps, three years. It is as simple as that. If my car, for example, went into a drain and I have got to pay so much money to maintain it—the car may very well be new—and if it is uneconomical to replace the spare-parts very frequently, then I had better sell it and try to get a new car. There is no one definite criterion that after two years or after three years a car becomes uneconomical.

With respect to the observation made by the Honourable Member regarding publicity in the *New York Times*, unfortunately he was not here yesterday when I gave my reply on that. Again, I wish to reiterate here that apparently the Honourable Member for known reasons does not want the truth of Malaysia to be known outside Malaysia, and that it was for this reason that he does not want (*Interruption*) to make the special publication in the *New York Times*. If the Honourable Member will be patient enough to sit down for a while and let me finish, then the answer will become clear. The medium of publicity, Mr Chairman, Sir, must be left to the Government. In the very nature of things, we consider that it was very essential that we must have this publicity in the *New York Times*. Consider the position where representatives of nations are coming from various countries to New York, when now we are facing this confrontation, do we not think that right-thinking people—not the left-thinking people, of course—will surely say, "We must tell all these people, the representatives of nations who are going to the United States to discuss matters, the truth of

Malaysia"? Hence, the expenditure, Mr Chairman, Sir.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, I think it is a very unkind cut from the Honourable Assistant Minister to impute such motive to me. (*Laughter*) I did not say that I was against the publicity. I merely stated that there are better ways. I think it is a very unkind cut.

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: I thank him for that clarification, Mr Chairman, Sir.

Question put, and agreed to.

The sum of \$1,519,292 ordered to stand part of the Second Schedule.

Heads S. 17, S. 36, S. 37, S. 39 and S. 40; S. 66E, S. 66R; S. 67T; and S. 72—

Dato' Dr Ismail: Mr Chairman, Sir, with your permission, I would like to take the following sums under their representative Heads together:

\$162,822 under Head S. 17, Immigration;
\$46,000 under Head S. 36, Prison;
\$7,850 under Head S. 37, Commissioner of National Registration;
\$5,007,835 under Head S. 39, Ministry of Internal Security;
\$3,340,252 under Head S. 40, Royal Malaysia Police;
\$17,500 under Head S. 66E, Immigration, Sabah;
\$239,987 under Head S. 66R, Royal Malaysia Police, Sabah;
\$499,324 under Head S. 67T, Royal Malaysia Police, Sarawak; and
\$5,909,859 under Head S. 72, Ministry of Home Affairs.

Sir, the headings may look formidable but they are all explained in the Treasury Memorandum. (*Laughter*).

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, I am very glad that no explanation is needed from the Minister. Sir, may I bring to the notice of the Minister concerned the difficulty of people in getting identity cards for their 12-plus children. Sir, on this point, I wrote to the Registrar-General asking him for a supply of forms, so that I could help the people in my constituency in filling these forms. May I read the reply from the Registrar-General? It says:

"I have the honour to refer to your request for the supply of Application Forms for twelve year-old children and to state

that it is regretted that the above supply of forms cannot be made.

I would add, for your information, that it has become an established practice for this Department staff to fill in forms of application for applicants after interviewing them. The applicants have to call at the Registration Office in any case for recording their thumb-prints, and no additional hardship or expenses will be involved. It is very much to their advantage if they avail themselves of the assistance of the Registration staff to complete their forms of application."

Mr Chairman, Sir, this letter sounds very helpful to the applicant concerned and, if it is followed, I do agree that it is very kind of the Registrar-General. But the facts of the case are not so. Mr Chairman, for one thing if a parent goes there to get an identity card for the child, invariably the parent has already offended the law, the parent is already overdue by three or four months, five months or, in some instances which have been brought to my notice, years overdue. If the law says that if after twelve months you do not register, then you offend the law, then if a parent goes there and asks for the child to be given an identity card—and the parent is given a slip of paper saying, "You come back three months hence"—then I do not see how the law can be applied to penalising people who are late when they are asked to come three months hence. That is one aspect of the matter that I would like to commend to the attention of the Minister of Home Affairs. I do not see any reason why there should be such a long delay because, if you ask a parent to come back after three months, then it is most likely that he might have forgotten all about it in three months' time. So, if they are so efficient as is claimed in this letter, there should not be any reason why the parents should be asked to come back in a week or two weeks' time—that is the first point.

The second point is this. I do hope that the Minister will look into this matter of giving application forms to people who would like to help their constituents. After all, it is a thankless job to try and help people to fill up such forms. Perhaps, the Registrar does not know that there are touts lying

around the offices selling these forms at \$1, \$2, \$3 and if they are given to me, it is not likely that I would sell these forms.

Enche' Tan Tsak Yu (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I would like to speak on Head S. 37, Sub-head 11, Citizenship. The question of citizenship is considered vitally important to the people of the Borneo States, particularly to the Chinese, since the establishment of Malaysia. Malaysia would be meaningless to them if they are not given the citizenship rights. It may be recalled when Dr Lim Swee Aun, the present Minister of Commerce and Industry, led a group to the Borneo territories in 1962, he addressed a large gathering of prominent Chinese businessmen and community leaders. Among other things that he talked about and explained was the question of citizenship. He told the gathering that citizenship by registration was not done anywhere in the world except Malaya. He made a very good impression on the Chinese in Sarawak on the subject. Eventually citizenship in the Borneo States was written into the Agreement concluded between the United Kingdom, Federation of Malaya, Singapore, Sabah and Sarawak before the formation of Malaysia. Ten months have now elapsed since the establishment of Malaysia, but the Central Government has not yet started the registration of citizenship in the Borneo States. The people in Sarawak are very anxious to know when the registration will commence. May I ask the Honourable Minister concerned whether he has any plan for the registration and, if so, when it will be put into operation? May I suggest that the following be accepted when the registration commences?

First, all those who have resided in Sarawak on Malaysia Day for periods which amount in the aggregate to not less than seven years—regardless of whether his or her residential period is ordinary or otherwise—should be allowed to register as a citizen.

Secondly, no language barriers will be placed in the way of anyone applying for registration

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Sir, on a point of order. The Honourable Member goes beyond the scope of the particulars mentioned in these Estimates. In view of the fact that we have got several Bills to be discussed, and that the time we have at our disposal is limited, I think we have to follow the Standing Orders.

Mr Chairman: (*To Enche' Tan Tsak Yu*) I think you must confine yourself to the particulars contained in the Estimates only—not otherwise.

Enche' Tan Tsak Yu: Thank you, Sir.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap di-atas Head 36 berkenaan dengan Penjara. Di-sini ada di-minta tambahan lagi \$46,000 hendak membesarkan kem di-Batu Gajah. Jadi di-dalam keterangan di-dalam Com. Paper 19 ini kata-nya hendak membesarkan lagi, chuma Menteri kita tidak menerangkan siapa-kah hendak di-buboh dalam Penjara itu kerana orang² di-Kelantan sudah banyak di-sana barangkali orang lain hendak di-buboh-nya. Satu perkara saya minta kepada Menteri yang berkenaan itu ia-itu pilehan raya pun sudah lepas dan barangkali perkara ini sudah-lah sejok, ada pehak² di-Kelantan itu hendak berjumpa dengan orang² yang di-tahan di-sana dan perkara ini boleh-lah di-benarkan sebab masa pilehan raya itu tidak di-benarkan berjumpa dengan-nya.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Head S. 39—Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Banyak-lah perkara² yang telah diminta dan di-tunjukkan berkenaan dengan pasokan keselamatan dan satu lagi berkenaan dengan Borneo dan wilayah² di-sana. Saya suka menarek perhatian Menteri Yang Berhormat berkenaan dengan satu surat yang diposkan daripada Jalan Ipoh, Kuala Lumpur; tidak ada haribulan-nya, nama-nya pun saya tidak tahu tetapi sunggoh atau tidak sunggoh dan tanda tangan ada di-sini, tetapi tidak ada bertarikh, yang ada bertarikh di-sini 15 haribulan July tahun 1964, yang berbunyi bagini; kena mengena sangat-lah

saya rasa perkara ini di-bahathkan dalam Committee:

"Yang Berhormat, saya dahului minta izin kira-nya Yang Berhormat dapat memberi saya keizinan menulis kepada Yang Berhormat untuk menerangkan kemushkilan kami sa-bagai anggota keselamatan. Kehidupan kami dalam tentera sangat-lah menyedehkan hati dari gaji kami hingga-lah keadaan rumah kami. Sudah-lah gaji kami kecil, kalau kami di-tugaskan ka-Sabah atau Sarawak, elaun pun kami tidak di-beri. Jadi dengan gaji kami lebeh kurang \$190 sa-bulan, \$60 kami bayar makan di-sana. Sewa rumah kami di-sini pula \$50 ka-\$60. Sewa rumah Kerajaan beri hanya \$20 ini termasuk dalam \$190 itu. Sa-bulan kami hanya dapat baki \$70".

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Mr Chairman, Sir, on a point of order, again—the Honourable Member should give only a gist touching on the particulars of these estimates. He is reading the whole thing touching on the salaries of the security officers, and I would submit that this goes beyond the scope of the debate.

Mr Speaker: Dia menerangkan sedikit berkenaan dengan itu; tetapi boleh-lah di-rengkaskan sahaja, sa-kali pun ada bersangkutan paut dengan itu, tolong-lah rengkaskan.

Dato⁹ Dr Ismail: Saya dengar tadi dia kata, surat itu daripada sa-orang tentera. Kalau saya tidak salah dengar tadi, dia mencheritakan kesulitan sa-orang tentera. Tetapi saya tidak kena mengena dengan tentera. Jadi, sa-belum dia panjangkan, saya ingin menyatakan bahawa saya jaga polis, saya tidak ada kena mengena dengan tentera itu.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Surat yang saya terima itu bagini.

Mr Speaker: Ada-kah surat itu daripada tentera atau pun polis, jawab-lah itu sahaja.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Saya pun tidak tahu, sebab itu saya nak bacha (*Ketawa*). Tuan Pengerusi, dia tulis' di-sini pasokan keselamatan. Jadi, saya ingat polis-lah pasokan keselamatan itu.

Dato⁹ Dr Ismail: Tuan Pengerusi, di-dalam peratoran ini sa-saorang Ahli Yang Berhormat bila membawa satu² pindaan hendak-lah bertanggung-jawab; kalau dia tidak boleh bertanggung-jawab betul atau tidak-nya sama ada

daripada pasokan keselamatan atau tentera atau pun polis, tidak usah-lah bawa ka-mari.

Mr Speaker: Ya!

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Saya pun tidak tahu apa yang hendak kata, Tuan Pengerusi, sebab dia bertulis bagini.

Dato' Dr Ismail: Sir, the Honourable Member for Batu stated that he was trying to do public good which I certainly admire; he complained that he was trying to help the Department of Registration, but the Registrar refused to avail himself of that offer. Sir, I think, the Registrar must have known that the Honourable Member is a Member of Parliament, but he had to refuse the offer because of the experience he had: he had given very many forms before to some responsible persons, and those forms had been sold to members of the public. I am not saying that the Honourable Member, if given the forms, will sell the forms, but the fact is that there can be abuse. The Registrar had to refuse the offer in the light of abuse in the past and, naturally, he was a bit under the apprehension that there might be abuse again. Nevertheless, I thank the Honourable Member for the offer. In the light of abuse which had occurred in the past, I am afraid that if we were to give forms to the Honourable Member, other Members may want the same forms distributed to members of the public.

Now, on the matter that the Honourable Member has mentioned—that is when a person goes to the Registration Office, he is told to come back in three months' time—I will investigate this complaint. I think this is a late registration, and the child might have passed the age of 12, in which case the Registrar has to investigate. The lesson here is to register your child, if possible, as soon as he is born, and not go for the late entry. If, for example, there is delay, and the child is below 12 years and he is asked to wait for three months, then naturally I will investigate into the matter. It would be a great help to me, if the Honourable Member, if not in this House, can write

to me; or, if he has no time, tell me a particular case so that I can investigate it. I think I have answered the Honourable Member's query.

Now, as regards Enche' Tan Tsak Yu complaining that ten months have passed and still the registration of citizenship in Sarawak has not started. Sir, there is a lot of administrative difficulties, especially when you have to transfer registers in Sarawak to the one compiled in the Federation—the Registrar-General has gone to Sarawak and he is coming back with a full report as to how to expedite it. The fact remains that when a new State joins the Federation, it takes some time to put all these things under one system, but I can assure the Honourable Member that we will try to avoid as much delay as possible, because we recognise the value of the citizenship to all our citizens.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Bachok mengatakan hendak membesarkan kem itu, Ahli Yang Berhormat itu telah tahu yang sekarang ini konfrantasi, banyak orang² yang hendak mengkhianatkan negeri ini ditangkap. Tetapi kalau ada ahli PAS dalam gulungan itu sudah tentu-lah kita terima dengan suka hati (*Ketawa*). Ini atas soal hendak berjumpa dengan orang yang di-tahan itu, bukan soal *election*, chuma permintaan itu hendaklah di-timbangkan oleh saya dengan sa-halus²-nya, kadang² hendak menimbangkan itu bukan-nya senang, kadang² saya tidak dapat tidur malam memikirkan betul-kah atau tidak betul. Jadi, itu-lah tanggong-jawab saya bukan-nya senang—kalau saya Gestapo, saya kata, "ta' usah-lah"; itu saya mesti timbangkan dengan halus. Terima kaseh.

Datin Fatimah binti Haji Hashim (Jitra Padang Terap): Tuan Pengerusi, berchakap berkenaan dengan S. 36 pechahan 21 ini, baharu sa-kejap tadi kita di-Majlis ini telah mendengar dengan sa-chara tidak langsung daripada Menteri yang berkenaan ia-itu hendak membesarkan kemah tersebut, oleh sebab ada-nya konfrantasi. Melalui Majlis ini saya harap jangan-lah oleh sebab konfrantasi kita mengambil kesempatan mengeluarkan wang bagi membesarkan kemah² itu, dengan

mengisi orang² Indonesia yang datang perut lapar menyeludup dengan membawa senjata² merbahaya ka-negeri ini, dan orang ini di-hukum dengan sa-chara di-kurong sa-umor hidup atau di-penjara sahaja, bahkan di-Majlis ini juga saya minta kalau dapat Kerajaan ubahkan dasar-nya menjatuhkan hukuman bunoh (mati) kapada mereka, dan kapada mereka² yang khianat kapada negeri ini; kerana kalau kita kurong sahaja tentu-lah bagi peluang orang Indonesia yang biasa makan tikus dan makan jagong dapat makan nasi, dan akan banyak-lah lagi mereka datang ka-negeri kita ini. Oleh kerana kita kurong sahaja mereka itu dan diberi layanan tempat tidor yang baik dan sa-bagai-nya, akhir-nya wang negara kita habis, dan penyeludup² itu bertambah banyak suka datang ka-negeri kita ini.

Sakian-lah, terima kaseh.

Datin Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bahru Barat): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan tambahan bagi Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Saya menguchapkan tahniah kerana wang tambahan itu, ia-itu mengikut pada hari ini, telah nyata mustahak-nya pasokan pengawal tanah ayer kita ini di-perkuatkan, tetapi perlu-nya kawalan ini bukan-lah sahaja untok keselamatan pantai² atau tanjong yang berdekatan dengan Perlis itu sahaja, tetapi sangat penting di-kawal dari sa-barang penye-ludupan yang membahayakan keselamatan, ia-itu bagaimana kita tahu pehak Kerajaan sekarang telah mengadakan ranchangan tanah beramai². Seluruh Tanah Melayu ada 62 ranchangan, 1/3 ranchangan itu terletak di-negeri Johor sana. Kerajaan telah berbelanja bermillion² ringgit mengena'i ranchangan² tersebut, ia-itu Ranchangan Luar Bandar pada masa itu maseh dalam tanggong-jawab Kerajaan.

Mr Chairman: Itu tidak ada kena-mengena dengan perbahathan kita, kerana perbahathan kita pada hari ini tidak ada kena-mengena dengan Ranchangan Luar Bandar.

Datin Fatimah binti Haji Abdul Majid: Tuan Pengerusi, saya mene-

rangkan di-sini ia-lah berkaitan dengan meminta supaya pehak Menteri Keselamatan Dalam Negeri.

Mr Speaker: Dalam bab apa?

Datin Fatimah binti Haji Abdul Majid: Dalam perkara polis. Jadi, tujuan saya minta supaya di-adakan Balai² Polis di-dalam Ranchangan Luar Bandar yang saya katakan tadi Kerajaan telah berbelanja bermillion² ringgit dalam ranchangan pembukaan tanah Luar Bandar tadi, yang mana baharu² ini di-Johor di-kawasan Kongkong telah ada penyeludup² dan ejen² daripada Indonesia hendak membinasakan pokok² getah dan membakar segala kereta² dan lori² serta membinasakan yang lain² lagi, tetapi dengan ada-nya kerjasama daripada orang berkenaan itu, maka ranchangan itu telah gagal. Jadi, untok menyelamatkan ranchangan² Kerajaan ini, tiba-lah masa-nya saya minta supaya di-adakan Balai² Polis di-dalam ranchangan² tanah yang di-buka. Sakian-lah, terima kaseh.

Dato' Dr Ismail: Tuan Pengerusi, saya uchapkan berbanyak terima kaseh kapada kedua² Ahli Yang Berhormat daripada kaum ibu—sa-orang daripada-nya dari kawasan Jitra dan yang sa-orang lagi dari kawasan Johor Bahru Timor. Bagi Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru Timor, ia-itu memang-lah kita ada buat satu Undang² dan kita pun akan meminda Undang² bagi memberikan hukuman yang sa-habis² berat kapada pemberrontak² Indonesia ini, tetapi pemberrontak² ini ada juga berperingkat²; ada yang hendak kita tahan dengan sebab kita hendakkan muslihat; ada yang kita boleh penjarakan dan ada yang kita boleh harap nanti—kita boleh pinda Undang² kita dan boleh menjatuhkan hukuman bunoh. Jadi, kita bagi negeri yang democracy ini, kita mengikut-lah Undang² negeri yang ada pada negeri kita. Dalam pada itu, saya uchapkan berbanyak terima kaseh kapada Ahli Yang Berhormat itu dan kita akan menjalankan yang mana boleh kita jalankan.

Atas menempatkan Balai² Polis ini, ini memang-lah kita pandang mengikut keadaan dari satu tempat

ka-satu tempat. Jadi, saya akan pereksa-lah, jikalau tempat di-Kong-kong ini patut di-adakan Balai Polis, itu kita akan adakan, tetapi jikalau keadaan di-sana ta' memadai di-adakan, itu ta' dapat-lah saya hendak adakan. Jadi, saya akan kaji chadangan, atau pun rayuan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru Timor tadi.

Question put, and agreed to.

The sum of \$162,822 for Head S. 17, the sum of \$46,000 for Head S. 36, the sum of \$7,850 for Head S. 37, the sum of \$5,007,835 for Head S. 39, the sum of \$3,340,252 for Head S. 40, the sum of \$5,909,859 for Head S. 72, the sum of \$17,500 for Head S. 66E, the sum of \$239,987 for Head S. 66R, and the sum of \$499,324 for Head S. 67T ordered to stand part of the Second Schedule.

Heads S. 19, S. 20 and S. 66u—

The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin): Mr Chairman, Sir, with your permission, I would like to take together the sums under Heads S. 19, S. 20 and S. 66u under the Second Schedule totalling \$4,400,578. As the relevant Treasury Memorandum is sufficiently self-explanatory, I have nothing further to add.

Question put, and agreed to.

The sum of \$885,398 for Head S. 19, the sum of \$3,500,000 for Head S. 20 and the sum of \$15,180 for Head S. 66u ordered to stand part of the Second Schedule.

Head S. 24—

The Minister of Health (Enche' Bahaman bin Samsudin): Tuan Pengerusi, saya menhadangkan perbelanjaan sa-banyak \$62,510 di-bawah Kepala S. 24 di-luluskan. Keterangan-nya ada di-nyatakan dalam Command Paper No. 19 of 1964, muka 18.

Saya pohon supaya perbelanjaan ini di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, yesterday I spoke at some length on Cholera and the dangers of Cholera and I did specifically ask for an assurance from the Minister that in

view of the extreme shortage of medical officers with Diploma in Public Health, the Minister should give this House an assurance that as many doctors as can be spared in his Ministry should be persuaded and encouraged to do the D.P.H. course. Unfortunately the Minister in his brief reply perhaps overlooked this. May this House have an assurance from him that more study awards for Diploma in Public Health will be given.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'aid: On a point of order under Standing Order 36 (1). This has nothing to do with the Estimates before us.

Dr Tan Chee Khoon: This has relevance in connection with the Cholera outbreak.

Enche' Bahaman bin Samsudin: I shall look into the suggestion.

Question put, and agreed to.

The sum of \$62,510 for Head S. 24 ordered to stand part of the Second Schedule.

Heads S. 25, S. 26, S. 28, S. 66n, S. 67K and S. 67L—

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Mr Chairman, Sir, with your permission, I beg to move the following:

Head S. 25, Ministry of Information and Broadcasting ...	\$28,900
Head S. 26, Radio.	10
Head S. 28, Information ...	62,720
Head S. 66H, Broadcasting and Information, Sabah.	9,225
Head S. 67K, Broadcasting, Sarawak.	5,180
and	
Head S. 67L, Information, Sarawak.	18,800

stand part of the Schedule.

Adequate explanations are given in Command Paper 19 of 1964 and I do not propose to elaborate on them.

Question put, and agreed to.

The sums of \$28,900 for Head S. 25; \$10 for Head S. 26; \$62,720 for Head S. 28; \$9,225 for Head S. 66H; \$5,180 for Head S. 67K and \$18,800 for Head S. 67L ordered to stand part of the Second Schedule.

Heads S. 38 and S. 71—

The Minister of Local Government and Housing (Enche' Khaw Kai-Boh): Mr Chairman, Sir, with your permission, I would like to take Head S. 38 and the new Head S. 71 together, which concern the Department of Town and Country Planning and the Ministry of Local Government and Housing respectively.

The explanations are quite clear under the respective Heads in Command Paper 19 of 1964, and I do not propose to repeat the details again.

Question put, and agreed to.

The sum of \$32,669 for Head S. 38 and the sum of \$188,301 for Head S. 71 ordered to stand part of the Second Schedule.

Heads S. 45 and S. 46—

The Minister of Labour (Enche' V. Manickavasagam): Mr Chairman, Sir, with your permission, I would like to take Head S. 45 amounting to \$2,500,010 and Head S. 46 amounting to \$194,115 together, and ask the House to approve these amounts. Command Paper 19 of 1964 clearly explains in detail the need for these amounts.

Enche' Sim Boon Liang (Sarawak): Mr Chairman, Sir, touching on Head S. 45, Social Welfare, I would like to ask the Honourable Minister whether he would consider giving a direct grant to the Sarawak Society for the Blind as there is a lack of \$27,000 this year to run the training centre for the blind at Kuching, to teach and to train blind people to perform many tasks, such as farming, carpentry, and other handicrafts so that to make them become useful members of the community.

Sir, at the present time there are about 1,500 blind people registered in Sarawak many of whom are very young . . .

The Minister of Welfare Services (Tuan Haji Abdul Hamid Khan): Mr Chairman, Sir, on a point of order. Head S. 45 is in connection with the Ministry of Labour and Social Welfare, Head S. 69 is in connection with the

Ministry of Welfare Services which is due to come afterwards.

Enche' Sim Boon Liang: Mr Chairman, Sir, I have seen inside the Command Paper, that there is mention about Grants for Social and Welfare Services.

Mr Chairman: Yes. Please proceed.

Enche' Sim Boon Liang: Sir, there are nearly 200 children under the age of fourteen years who have to be educated and trained to lead a normal life. Therefore, Mr Chairman, Sir, as Sarawak is now a part of Malaysia, I hope the Honourable the Minister will look into this matter too.

Enche' V. Manickavasagam: Mr Chairman, Sir, to give an explanation on this amount, it is merely a transfer from the then Ministry of Labour and Social Welfare, to the new Ministry of Social and Welfare Services. This amount is, in fact, in respect of institutions in the former Federation of Malaya.

Question put, and agreed to.

The sum of \$2,500,010 for Head S. 45 and the sum of \$194,115 for Head S. 46 ordered to stand part of the Second Schedule.

Head S. 49—

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Mr Chairman, Sir, I beg to move that the sum of \$219,582 for Head S. 49, Ministry of National and Rural Development, stand part of the Schedule.

When the 1964 Estimates for this Ministry was brought to this House, it was not possible to assess the amount of financial assistance required by the Malayan Muslim Pilgrims Savings Corporation, because detailed requirements of the Corporation such as salaries of the staff, other charges, etc., were yet to be finalised. This sum is required to meet these expenditures. Sir, I beg to move.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, di-bawah Head S. 49, saya suka hendak mendapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan itu, ada-kah Perbadanan Haji ini akan

di-jadikan satu daripada Jabatan Kerajaan sendiri dan kalau begitu, bila agaknya?

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, nama Corporation ini sudah nyata menunjukkan ia-nya bukan Jabatan Kerajaan. Pada masa ini tidak-lah ada keputusan Kerajaan hendak mengubahkan Corporation ini menjadi satu Jabatan Kerajaan.

Question put, and agreed to.

The sum of \$219,582 for Head S. 49 ordered to stand part of the Second Schedule.

Heads S. 50, S. 68, S. 73 and S. 74—

Enche' Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya mengemukakan perbelanjaan sa-banyak \$29,900 di-bawah Kepala S. 50—Commissioner of Lands, dan wang sa-banyak \$90,750 di-bawah Kepala baharu S. 68—Kementerian Tanah dan Galian, dan wang sa-banyak \$1,396,145 di-bawah Kepala baharu juga ia-itu S. 73—Forestry (Perhutanan). Penjelasan berkenaan dengan perbelanjaan ini ada-lah diterangkan di-dalam Command Paper 19. Jadi saya pohonkan supaya wang yang sa-jumlah ini di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual.

Question put, and agreed to.

The sum of \$29,900 for Head S. 50, the sum of \$90,750 for Head S. 68, the sum of \$1,396,145 for Head S. 73 and the sum of \$225,786 for Head S. 74 ordered to stand part of the Second Schedule.

Heads S. 54 and S. 56—

The Minister of Transport (Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Pengerusi, dengan kebenaran Tuan Pengerusi, saya akan ambil Kepala S. 54 dan S. 56 bersama² ia-itu memohon supaya di-luluskan peruntukan ini menjadi sa-bahagian daripada Jadual—\$1,650 ia-itu Kementerian Pengangkutan dan juga \$38,400 berkenaan dengan Meteorological Service (Perkhidmatan Kaji Chuacha) supaya di-luluskan menjadi sa-bahagian daripada Jadual ini. Keterangan-nya

ada di-huraikan di-dalam Command Paper 19 of 1964.

Question put, and agreed to.

The sum of \$1,650 for Head S. 54 and the sum of \$38,400 for Head S. 56 ordered to stand part of the Second Schedule.

Heads S. 61 and S. 62—

The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan): Mr Chairman, Sir, with your permission, I would like to take both Heads S. 61 and S. 62 together. I would like to move that the sum of \$10 for Head S. 61 and the sum of \$10 for Head S. 62 stand part of the Schedule. The details are as listed in the Treasury Memorandum.

Question put, and agreed to.

The sums of \$10 for Head S. 61 and \$10 for Head S. 62 ordered to stand part of the Second Schedule.

Head S. 69—

Tuan Haji Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan: Tuan Pengerusi, saya mohon menandatangani bahawa wang sa-banyak \$2,608,182 di-bawah Kepala S. 69 untuk Kementerian Kebajikan 'Am di-luluskan dan di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual. Tuan Pengerusi, sebab² wang ini diminta ada-lah terkandung di-dalam Treasury Memorandum No. 19 tahun 1964 di-muka 29, dan saya tidak-lah berhajat hendak berchakap panjang dalam perkara ini.

Question put, and agreed to.

The sum of \$2,608,182 for Head S. 69 ordered to stand part of the Second Schedule.

Head S. 70—

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, saya kemukakan Head S. 70—Kementerian baharu Kebudayaan, Belia dan Sokan—sa-jumlah \$106,446 menjadi sa-bahagian daripada Jadual ini. Sa-bagaimana yang telah di-terangkan di-dalam Command Paper No. 19, wang² ini ia-lah untuk permulaan kerana gaji² dan juga belanja² biasa pejabat. Satu jumlah yang lebih

besar akan di-kemukakan kelak dalam persidangan yang akan datang.

Question put, and agreed to.

The sum of \$106,446 for Head S. 70 ordered to stand part of the Second Schedule.

Head S. 65k—

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, saya mengemukakan Head S. 65A, Audit, berjumlah \$1,720 menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Question put, and agreed to.

The sum of \$1,720 for Head S. 65A ordered to stand part of the Second Schedule.

Head S. 65v—

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Mr Chairman, Sir, I beg to move that the sum of \$6,000 for Head S. 65P, Legal, stand part of the Schedule. The explanation is given in Command Paper No. 19 of 1964.

Question put, and agreed to.

The sum of \$6,000 for Head S. 65P ordered to stand part of the Second Schedule.

Enche' Tan Siew Sin: Mr Chairman, Sir, may I know whether you have taken Head S. 71, Ministry of Local Government and Housing? I cannot remember it having been taken.

Mr Chairman: That has already been taken.

Clauses 1 to 3 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE NATIONAL SERVICE (AMENDMENT) BILL, 1964

Second Reading

Tun Haji Abdul Razak: Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "An Act to amend the National Service Ordinance, 1952," be read a second time.

Sir, as Honourable Members are aware, Proclamations have been made by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong requiring all male adults

between the ages of 21 and 29 years to register for National Service under the National Service Ordinance, 1952. The registration of persons affected by these Proclamations has now been completed in the States of Malaya, Singapore and Sabah. As regards Sarawak, the registration is in the course of being carried out and is due to be completed soon.

It is the intention of the Government that a number of these people who have registered and who are medically fit will be called up for service in the Armed Forces. They will undergo two months' intensive training at Siginting Training Camp, Port Dickson, and possibly later at other training centres to be set up elsewhere in Malaysia.

The existing legislation makes no provision for a National Serviceman to serve in the Reserve of our Armed Forces once he has completed his period of full time service. The Government feels that it will be illogical, and indeed it will be a waste of public money, to release these National Servicemen from all liability for further service once they have completed their two months' full-time training.

This Bill now before the House is therefore introduced for the purpose of raising a National Service Reserve to which personnel who have completed their period of full-time National Service will be transferred.

The Bill will also authorise annual refresher training not exceeding 15 days per year during the five years that they remain in the National Service Reserve. It is also the intention of the Government that this training shall be carried out by attachment to units of the Regular Army.

The new Clause 11 (c) of the Bill enables the Yang di-Pertuan Agong to recall for full-time service the whole or any part of the National Service Reserve. This is considered necessary so that the Government may have an immediate call on a pool of partly trained manpower should it ever become necessary to expand the Regular Army.

The other provisions of the Bill, Sir, deal with details which I think require

no elaboration from me except to state that some of the amendments proposed in the Bill are of a general nature. Honourable Members would in particular have noticed that the effect of the amendment proposed in Clause 4 of the Bill would be to place in a civil court, instead of in a military court, jurisdiction to try a person who fails to comply with a notice to enrol in the Armed Forces. This it is considered would be the correct procedure because a person will not have become subject to military law until he is enlisted. Therefore, it is appropriate that if he fails to comply with the notice to enlist he should be tried in a civil court under sub-section (3) of Section 11 of the Ordinance, which provides a maximum penalty of six months' imprisonment or a fine not exceeding \$2,000 or both.

One further change introduced by the Bill is that it is proposed that the Minister to be made responsible for the administration of the National Service Ordinance is now the Minister of Defence instead of the Minister for Home Affairs.

Sir, I beg to move.

Enche' Tan Siew Sin: Sir, I beg to second the motion.

Enche' Lim Huan Boon (Singapore): Mr Speaker, Sir, the National Service (Amendment) Bill proposed by the Government in power to conscribe more youths to the armed forces, to be known as the National Service Reserve. The aim of the Government is obviously to expand its military forces and prepare for war.

Mr Speaker, Sir, our young men are dying in Borneo and the Alliance wants to send more to die after them. We are now on the verge of a major war, and more countries are being pulled in. If this goes on, Mr Speaker, Sir, then Malaysia will become the battleground for the world blocs and nobody will be interested in our feelings on the matter.

Mr Speaker, Sir, "He who calls the piper must pay for the tune." The British have burnt their fingers in the South-East Asia adventure and every intelligent person knows that their toy army cannot stand a war so many

thousand miles from their own shores. Only foolish people, who have not learnt from the history of the Japanese War, will be taken in. Many of us remember the boastful statements and reassurances of the British even days before the sinking of the Prince of Wales and their flight from Malaya.

Mr Speaker, Sir, so long as Asians fight Asians, the white people will be happy. In the Middle East, in India, in Cyprus and in Guiana, the British have used the same tactics to maintain their domination. Let us not like blind men fall into their trap. Mr Speaker, Sir, if Asians fight Asians, it will establish not only British political and military domination but also, what is more sinister, economic and cultural domination. Every day the grip of the British on our country is growing stronger.

Mr Speaker, Sir, the struggle to free ourselves from this is the important duty of all nationalists. Therefore, there are only two sides in this battle. On one side are the true nationalists who are against colonialism and their domination of our country, and on the other side are those who are betraying our country to the British, because their economic and political interests are tied to the British. The present crisis is a good cover for the British and their stooges to tighten their grip on our national economy and to undermine our cultural identity.

Mr Speaker, Sir, as a socialist party, we would like to point out that we are ready to sacrifice our lives in the defence of our country, but we must not be mistakenly understood that we must support the Government blindly. It is the people that form the country. We are always prepared to sacrifice our interest for the protection of the lives and properties of our people. We are loyal to their interest.

Mr Speaker, Sir, all along, we have faithful and shall always be faithful and firm in our fight against colonial domination. Mr Speaker, Sir, allow me to reiterate that we will not protect the colonialist interest and will not allow our people to die for the prolongation of the colonial domination. Thank you, Mr Speaker.

Enche' Ali bin Haji Ahmad (Pontian Selatan): Tuan Yang di-Pertua, memang telah di-sangka bahawa Yang Berhormat daripada Barisan Sosialis menentang Bill ini. Beliau menyatakan bahawa kita sudah menghantarkan pemuda² kita untuk mati berperang di-wilayah² Borneo. Dengan Bill ini beliau tnenudoh kita akan menghantarkan beberapa banyak lagi pemuda² untuk mati berperang di-wilayah Borneo, kita telah di-salahkan, Kerajaan Malaysia telah di-salahkan. Jadi, di-sini nampak-lah sikap Barisan Sosialis kapada negara dan bangsa kita.

Kalau-lah di-dalam keadaan perang di-sa-suatu negara, biasa-nya, parti² yang sa-umpama ini tidak dapat di-benarkan hidup, tidak dapat di-benarkan bergerak di-dalam negara ini; tetapi nasib baik-lah parti Barisan Sosialis berada di-dalam negara yang di-perintah oleh Parti Perikatan. Walau pun kita tahu bahawa parti yang tersebut tidak mempunyai ta'at setia langsung kapada negara ini, tetapi kita maseh benarkan juga Ahli Yang Berhormat itu dudok di-dalam Dewan ini dan berchakap menentang kita dan berchakap membela kepentingan negara yang terang² mencherobohi kita—negara yang terang² menyerang negara kita. Jadi, di-sini nyata-lah dengan jelas-nya di-mana dudok-nya ta'at setia Ahli Yang Berhormat itu kapada negeri ini, atau pun kapada mana? Tetapi, yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa di-Indonesia sendiri orang² Tionghua tidak diberi layanan sa-baik mana yang kita berikan di-dalam negeri ini, bahkan di-mana² bahagian dunia pun, terutama di-Asia Tenggara ini, orang² Tionghua mendapat layanan yang sa-baik²-nya di-negara kita ini, tetapi mengapa-kah di-dalam soal confrontasi ini parti Barisan Sosialis menyokong negara yang menyerang kita. Jangka panjang-nya ia-lah parti Barisan Sosialis memainkan perjuangan jangka panjang gerakan kominis untuk mena'aloki seluruh dunia.

Jadi, di-sini saya ingin menyedarkan pehak pemerintah bahawa parti Barisan Sosialis ada-lah merupakan parti, dalam jangka panjang-nya, memperjuangkan kepentingan kominis, dan

kalau bagi saya, sudah menjadi alasan yang chukup untuk mengharamkan parti Barisan Sosialis daripada negeri kita ini. Kita telah mengangkat sumpah untuk ta'at setia kapada Perlembagaan sa-belum kita menjadi Ahli Dewan Ra'ayat di-sini.

Ahli Yang Berhormat dari Barisan Sosialis juga telah mengangkat sumpah untuk mempertahankan Perlembagaan Malaysia, tetapi sekarang saya chabar di-mana letak-nya sumpah Ahli Yang Berhormat itu kapada Perlembagaan Malaysia ini. Kalau tidak mahu ta'at kapada Perlembagaan ini, sila keluar daripada Dewan Ra'ayat dan berjuang dari luar—jangan angkat sumpah, kemudian hentam sumpah itu balek. Saya chabar sumpah Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Sosialis itu.

Kita sudah bosan, ra'ayat sudah bosan dengan istilah—kita nationalist ini, kita nationalist itu; kita anti-penjajahan itu, anti-penjajahan ini, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat dari Barisan Sosialis mengatakan dia nationalist, dia menentang penjajahan, maka saya tidak kurang juga nationalist-nya dan saya tidak kurang juga menentang penjajahan, tetapi beza-nya yang besar ia-lah kalau kita menentang penjajahan barat, kita menentang penjajahan Inggeris—tetapi tidak bererti bahawa kita hendak dudok di-bawah penajahan kominis; itu beza-nya yang besar—erti-nya di-sini ia-lah bahawa Ahli Yang Berhormat itu menjadi perkakas kapada kominis. Kalau dia menafikan dia kominis erti-nya dia perkakas, dia boneka kapada kominis di-dalam negara kita ini dan di-dalam Dewan ini sendiri. Kita juga sudah bosan dengan mendengar istilah² baharu—Asian fight Asians, menyelesaikan masalah chara Asia—chara orang Asia, sudah bosan kita dengar perkataan ini. Apa-kah erti-nya ini? Pada hakikat-nya Asians fight Asians. Ada-kah kita dahulu yang menyerang Indonesia? Tidak. Indonesia yang menyerang kita. Jadi, siapa yang paling tidak Asian? Indonesia yang paling tidak Asian. Dan siapa yang menyokong Indonesia dalam confrontasi ini bererti orang itu sendiri yang paling tidak Asian, termasuk juga Ahli Yang Berhormat dari Barisan

Sosialis itu sendiri dalam Dewan ini. Ini-lah logic-nya orang yang sudah mempunyai 'one track mind' yang tidak dapat berfikir sa-chara waras, tidak dapat menggunakan logic, ke-chuali logic kominis-nya itu. Dan ucapan-nya itu di-tulis, entah siapa yang menuliskan, boleh jadi suku-sakat Chin Peng menulis dari belakang dan di-kiriskan melalui Singapura dan di-bawa ka-dalam Dewan Ra'ayat ini, dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Barisan Sosialis itu, saya tidak ada apa yang bertulis: apa yang saya chakap keluar daripada hati saya, keluar daripada semangat saya—tidak ada bertulis, tidak ada siapa yang menyediakan-nya, tidak juga Tunku Abdul Rahman menyediakan ucapan saya sa-bagaimana ucapan Ahli Yang Berhormat dari Barisan Sosialis itu yang sudah di-sediakan, mungkin oleh Chin Peng, yang di-kiriskan daripada sempadan kawasan Thailand. Jadi, sekarang bagini: kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu menyebelahi confrontasi, menyalahkan kita, menu-doh Malaysia, saya harap Menteri yang berkenaan buka-lah pintu negara kita ini dengan sa-luas²-nya untuk Ahli Yang Berhormat itu keluar. Kalau hendak pergi ka-Indonesia—pergi-lah, lihat-lah bagaimana keadaan di-sana, mungkin hidup atau tidak. Saya tahu Ahli Yang Berhormat itu pernah pergi ka-Indonesia belajar di-sana, tetapi ta' tahan, balek sa-mula ka-mari—saya tahu sejarah-nya, Tuan Yang di-Pertua. Kalau mahu juga menyebelahi confrontasi Indonesia, menyebelahi Indonesia, saya minta-lah Menteri yang berkenaan supaya buka pintu negara kita ini, biar-lah Ahli Yang Berhormat itu keluar daripada negara kita ini untuk pergi ka-Indonesia, di-sana dia akan merasa hidup atau tidak. Jangan chuba sabotage system pemerintahan democracy kita dari dalam. Dudok dalam Dewan Ra'ayat ini mengangkat sumpah untuk mempertahankan Perlembagaan, tetapi dalam bahathan-nya dia menentang apa yang telah dia mengangkat sumpah dan menentang kepentingan negara kita dan menentang kepentingan Perlembagaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada mula-nya saya tidak-lah berniat hendak ber-

bahath, tetapi mengenangkan apa yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Barisan Sosialis itu tadi, menyebabkan saya terus-menerus mahu bangun mempertahankan Perlembagaan negara kita ini. Yang sa-benar-nya apa yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Barisan Sosialis itu tadi ialah merupakan sa-bagai sabotage, sa-bagai propaganda kominis di-dalam Dewan ini. Anggota² Barisan Sosialis sudah terlalu banyak memainkan propaganda kominis di-dalam Dewan ini, dan saya suka menarek perhatian pehak Kerajaan, ada-kah kita akan benarkan lagi orang² yang memainkan lagu kominis, memainkan propaganda kominis di-dalam Dewan Ra'ayat kita yang mulia ini. Kalau-lah Ahli Yang Berhormat dari Barisan Sosialis itu tidak sukakan democracy berparlimen, tidak sukakan negara Malaysia ini, maka sila-lah keluar daripada negara Malaysia ini sama ada pergi ka-Indonesia atau balek ka-Communist China, atau balek ka-Russia sana. Sila hidup di-bawah system pemerintahan kominis, kalau ideology kominis yang dianuti mereka itu baik, kalau mereka benar dan ikhlas, atau pun jujur—jangan-lah chuba menempah system yang sudah di-tolak oleh ra'ayat sa-chara democracy.

Jadi, kesimpulan bahathan saya ialah saya menyokong sa-ratus peratus akan Rang Undang² ini, dan juga saudara² kita yang terkorban berpe-rang; itu bukan-lah kita yang mengorbankan-nya dan yang sa-benar-nya yang mengorbankan mereka itu ia-lah confrontasi Indonesia—Indonesia yang mengorbankan pemuda² kita dan adal ah menjadi satu dosa yang sa-besar²-nya kapada Ahli Yang Berhormat dari Barisan Sosialis itu yang tidak mengenangkan jasa pemuda² kita dan untuk menimpakan kesalahan itu kapada Kerajaan Perikatan yang memerintah di-negeri ini. Ini-lah dosa yang sa-benar²-nya yang di-lakukan oleh Ahli Yang Berhormat dari Barisan Sosialis itu terhadap bangsa dan negara kita. Dan masaalah istilah² neo-colonialism, *Asians fight Asians* dan *the Asian problem must be solved according to Asian ways* ada-lah merupakan istilah² yang kosong, yang di-langgar

dan yang tidak di-hormati oleh Kerajaan Indonesia sendiri, Kerajaan dibawah pimpinan Sukarno dan Kerajaan yang di-sokong oleh Ahli Barisan Sosialis.

Dan penghabisan-nya, saya chabar Ahli² Barisan Sosialis: kalau tidak suka pemerentahan demokerasi di-Malaysia ini jangan dudok satu minit lagi dalam negara ini. Sila keluar sama ada pergi ka-Indonesia atau balek ka-Kominis China atau pergi ka-Kominis Russia.

Datin Fatimah binti Haji Hashim:

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² Perkhidmatan Negara (Pindaan) yang di-kemukakan ini saya juga bersama² memberi sokongan saya. Dalam pindaan ini saya dapati tidak ada dikenakan kepada wanita negeri ini untuk bersama² memberi perkhidmatan-nya bagi mempertahankan negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, langkah ini saya dapati bijak kerana memandangkan belum sampai masa-nya wanita² negeri ini di-kenakan bersama, kerana memandang maseh banyak lagi pemuda² dan hendak memberi peluang dahulu yang mana semangat pemuda² sentiasa bergubar² dan meluap² keberanian supaya mereka di-beri tugas bagi bersiap sedia mempertahankan negara kita ini dan biar-lah kaum wanita sama ada isteri dan tunang tinggal di-rumah mereka menguruskan rumah-tangga dan anak²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana Tuan Yang di-Pertua tahu baharu² ini walau pun tidak di-kenakan kaum wanita mendaftarkan diri untuk memberi perkhidmatan-nya terhadap mempertahankan negara, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana semangat tanggong jawab bersama telah di-tunjokkan oleh kaum wanita, tidak pedulikan syarat atau kehendak undang² bahkan beratus² kaum wanita keluar dan berlumba² pergi mendaftarkan diri untuk di-beri peluang dan membolehkan mereka bersama² memberi perkhidmatan mempertahankan maruah negara, jika di-cheroboh.

Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, jangan di-katakan kami kaum wanita chuma berani menuntut bayaran gaji sama sahaja. Semangat tanggong jawab

dan ta'at setia kami kaum wanita jangan di-khuatirkan. Sa-bagaimana kita mendapat tahu Kerajaan sedang ranchak menyusun pembentokan tentera Wataniah Wanita dan akan mengadakan latehan perkhidmatan dalam kerja² yang sesuai bagi kaum wanita, saya ada-lah mengalu²kan atas pembentokan itu kelak.

Tuan Yang di-Pertua, kaum wanita negeri ini bukan sahaja berani menerima jawatan² yang akan di-atorkan, tetapi saya perchaya sa-kira-nya bila sampai masa—barang di-jauhkan Allah, Tuan Yang di-Pertua—jika negara kita di-cheroboh, kami wanita negeri ini sanggup memikul senjata berganding bahu dengan pemuda² walau pun berkorban nyawa mati bersama bergelimpangan di-medan peperangan kerana kepentingan dan mempertahankan negara kita yang di-kasehi ini (*Tepok*).

Enche' Chia Chin Shin (Sarawak):

Mr Speaker, Sir, I must congratulate the Government for the timely move in tabling in this House today this Bill for the amendment of the National Service Ordinance, 1952. This is in the light of its experience for the past twelve years as this Bill was passed in the former House. This move is very important and eminently in the interest and integrity of the nation. When the nation is facing the threat of Indonesian aggression or the "Crush Malaysia" policy, all those who have the nation at heart will undoubtedly support this Bill, and I must say, Sir, that now is the time to show our patriotism to the nation, in order to defend our country from being attacked by our enemy.

In this connection, I would like to refer to the Honourable Member from Singapore, who seems to know the conditions in Borneo better than anybody else. I would like to inform the House that only a thousand of the Borneo boys were misled by Clandestine Communist Organisation, or indoctrinated by the poison, to go across the border. On the other hand, I would also like to inform this House that there are tens of thousands of the young boys who are very willing to leave their jobs to join the national service, which is now in process in

Sarawak. (*Applause*). They are willing even to sacrifice their lives for the sake of Malaysia. If we have any doubt or fear for this Bill, this will obviously mean that we are not interested in ourselves. What about our land and properties, and more so about the future? In other words, if we do not show any interest in our own nation, then "what is the use of our living—for what?" I hope the Honourable Members in this House will not think that I am very impolite to have mentioned the last few words, or the last sentence. I heard it from a young boy trying to indoctrinate another of his colleagues. So, in this connection we can very well see how badly this thousand of boys who have gone across the border been misled.

Sir, when the nation faces a danger of constant aggression, with the killing of our fellowmen, the looting of our properties, and the burning of our kampong houses, is it not the duty of every citizen to come out and call for the unity of our nation to defend and protect our land, our rights, our properties, and our lives, so as to maintain the peace and integrity of our nation? At this crucial moment, there is no alternative for us to choose but to decide to offer our duty bound service for our beloved nation, whether young or old? At the same time we should strengthen and mobilise all our manpower in our country to resist any form of outside bombardment. However, the National Service Ordinance itself is an old one, but this is an amendment of certain section and the insertion of a new part V and other amendments for the raising of national service reserve to serve for five years, as the Honourable Deputy Prime Minister has just mentioned to us.

Mr Speaker, Sir, we are asked to consider this Bill in order that national service can be carried out more effectively. At this juncture, as I have said just now, the response in Sarawak to national service registration is very good. This is because most of the people feel that we have been bullied—and who likes to be bullied? Mr Speaker, Sir, I would therefore call upon the House to consider this Bill

very seriously, and would like to appeal to Honourable Members to support this Bill, and also would stress to our young men the importance and the pride in offering our service to the nation. Sir, I support the Bill.

Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir:
Tuan Yang di-Pertua, mahu tidak mahu saya terpaksa bangkit berchakap kerana mengikutkan pendirian Barisan Sosialis yang konon-nya kita belum lagi faham, dan apa yang telah jadi pada waktu negara kita ini di-langgar oleh Jepun yang telah lalu. Saya perchaya wakil daripada Barisan Sosialis Singapura itu mimpi. Waktu kita di-langgar itu sebab kita tidak ada siapan; semua sa-kali pemuda² pada waktu itu juga sanggup berkorban tetapi apakan hendak buat dengan hanya dua lengan sahaja sebab itu Kerajaan Perikatan mengenangkan Malaysia sa-buah negara yang baharu, yang muda, belum lagi sa-tahun umur-nya, sampai 31 haribulan August ini kita baharu merasa hari yang pertama hari kemerdekaan negara kita Malaysia, negara yang muda dan yang di-dudoki oleh 10 juta daripada penduduk-nya, tidak kurang 60 peratus juga pemuda² yang memang menunggu² pehak Kerajaan Perikatan ini mengadakan Undang² tertentu supaya dapat melateh pemuda² termasuk pemudi-nya sa-bagaimana telah di-beri pengakuan daripada Yang Berhormat Ahli Jitra-Padang Terap tadi, sanggup hidup dan bersama mati mempertahankan tanah ayer.

Tetapi kalau pehak Barisan Sosialis terutama sa-kali dari Singapura saya fikir pehak Socialist Front Tanah Me-iaiyu ini pun kita telah pernah dengar pada waktu berkempen dahulu, hanchorkan Malaysia tetapi bukan Malaysia yang hanchor bahkan Socialist Front yang hanchor daripada beberapa orang ahli-nya tinggal dua orang sahaja di-dalam Dewan Ra'ayat ini. Saya berchakap ini sa-bagai ketua pemuda UMNO yang telah berjuang memang berpuluh² tahun untuk kemerdekaan Malaya dan kemudian untuk kemerdekaan Malaysia sekarang ini yang kami chintai' dan saya perchaya pemuda² apa juga bangsa seluroh Malaysia ini, yang baharu² ini telah ada bersidang di-Ibu Kota Kuala Lumpur yang mana Yang

Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membuka majlis itu dan merayu kapada pemuda² seluroh Malaysia ini daripada segala bangsa, segala warna dan segala rupa, ugama, yang telah berikrar mengambil satu keputusan yang usul itu telah pun di-sampaikan kapada Kerajaan. Pemuda² Malaysia sanggup mempertahankan negara muda kita biar pun menjadi debu memang itu-lah pepatah Melayu pemuda harapan bangsa dudok di-depan bukan di-belakang macham Barisan Sosialis yang takut, kechut (*Tepok*). Saya harap dan saya menyeru, senyum² sadikit di-sana, tukar-lah fikiran-nya dan kembali-lah kapada hak yang benar, perang tidak kenal Barisan Sosialis, Socialist Front, UMNO atau PAS—habis! (*Ke-tawa*). Kira-nya kita tidak bersatu mempertahankan negara kita, kita semua akan habis. Saya tidak sanggup mati di-lanyak sa-bagi sa-orang yang bachul. Saya berseru-lah kapada² pehak Barisan Sosialis dan juga mana² parti, mana² juga manusia yang waras fikiran-nya, yang bertumpu semangat, yang mengatakan ini negara tumpah darah-nya, maka wajib dan mesti-lah bersama² hidup dan mati, kita akan mempertahankan negara kita untuk chuchu chichit kita sa-bagai pahlawan negara bukan pengechut negara. Terima kaseh.

Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang berchakap di-dalam perkhidmatan negara dan pindaan yang ada di-hadapan kita pada hari ini, dan menguchapkan sokongan yang sa-penoh-nya daripada sa-orang yang tua bukan-nya orang yang muda dan saya juga apabila terbuka Registration pada tempoh hari sudah pun mendaftarkan nama saya berkhidmat kapada negara ini (*Tepok*). Negeri kita Malaysia ia-lah negeri yang baharu dan bilangan orang penduduk-nya chuma 10 juta dan kalau sa-kira-nya di-bilang orang yang mencheroboh kita yang ada 100 juta itu, barangkali kita boleh menjadi lenyek—jadi sambal. Tetapi dengan ada-nya kita berhubung dengan kuasa² yang lain yang kita i'tiraf sa-bagai sahabat kita yang jujur, yang ada pula kita memikirkan mereka itu ikhlas, apa-lah salah-nya kalau kita mengadakan perhubungan dan perjanjian dengan

Kerajaan² itu walau pun daripada Barat yang boleh mereka itu pada satu hari yang sesuai membahagi pertolongan kapada kita dan kapada anak negeri kita.

Saya chukup hairan Ahli Yang Berhormat dari Barisan Sosialis Singapura tadi berchakap mengatakan inia-lah yang di-kehendaki orang Barat ia-itu orang Asia ini bersama² orang Asia bergaduh dan berlawan. Beliau memikirkan tentu-lah tidak ada Anggota Bangsa² Bersatu itu mei'tirafkan ia-itu tiap² bangsa, tiap² sa-orang manusia ada hak-nya dan dia tidak nampak akan jujur orang² yang dudok di-dalam Bangsa² Bersatu itu dan juga keikhlasan yang di-tunjokkan kapada keadaan² negara kita ini. Maka sa-bagaimana sahabat saya Yang Berhormat dari Pontian yang telah berchakap, saya juga suka menjawab, ia-itu saya sa-bagai sa-orang yang tua saya juga mempunya'i hak² yang tertentu di-negeri ini bersama² dengan orang² yang tumpah darah di-sini, dan saya juga fedza menumpahkan darah saya menjadi debu, bak kata orang² muda tadi, sunggoh pun saya orang tua. Jadi dengan itu jangan-lah di-sangka oleh Ahli Yang Berhormat dari Barisan Sosialis itu semua ahli² saperti macham dia juga. Kalau sa-kira-nya tidak ada perasaan ta'at setia kapada-nya jangan-lah di-sangka orang lain itu tidak ada perasaan yang sa-macham itu. Jadi saya suka-lah di-sini mengatakan sakali lagi, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu saya sa-bagai orang yang tertua suka menyokong dengan sa-penoh²-nya pindaan di-dalam perkhidmatan negara yang ada di-hadapan kita pada petang ini, terima kaseh.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun minta izin hendak berchakap sadikit berkenaan dengan Rang Undang² Perkhidmatan Negara sa-bagaimana yang di-sebutkan dalam Bill No. 12 di-hadapan kita ini. Tuan Yang di-Pertua, apabila saya bangun tidak-lah bermahana saya hendak turut sama dengan sendiwara yang di-mainkan itu, kadang² nampak-nya macham raja bangsawan dan kadang² sa-bagai Menteri bangsawan menunjokkan semangat di-dalam

Dewan ini. Yang saya hendak berchakap ini ia-lah berkenaan dengan perlunya kita mengadakan perkhidmatan negara di-dalam keadaan sa-macham ini malah bila² masa pun.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak menarek perhatian dalam Dewan ini ia-lah niat kita mengadakan perkhidmatan negara kita, jangan-lah menjadikan sa-bagai satu contract atau satu anggaran sa-bagai satu serang balas kepada konfrontasi Indonesia. Tetapi, ia-lah kita sendiri merasa perkhidmatan itu mustahak bagi negara kita, dengan demikian tidak-lah kita memikir dan menumpukan fikiran kita kepada konfrontasi Indonesia, sa-hingga perkara² yang lain yang kita hendak buat pun tergendala, kerana kita memikirkan satu benda yang tidak berlaku, tetapi kita sangka boleh berlaku. Tuan Yang di-Pertua, bila saya berchakap begitu bukan bererti saya suka tentera² Indonesia itu datang, tetapi saya berchakap ia-lah kerana kalau kita mengadakan perkhidmatan negara itu, kerana satu² sebab ugutan dari luar negeri yang kita tidak dapat bukti² yang nyata, dan kita akan terlibat-lah dalam satu tarian yang di-pukul gendang oleh orang itu.

Nampak-nya dalam kita membahathkan Bill ini sa-olah² negara kita ini akan berperang pada esok hari, atau pada minggu ini. Jadi, terok sangat-lah negara kita ini memikirkan bahawa perkara yang besar itu hendak berlaku. Tetapi, sudah satu tahun, pun tidak berlaku. Jadi dasar kita mengadakan ia-lah mengatasi konfrontasi bagi negara kita. Saya tidak-lah terkejut atau hairan pada ucapan yang di-buat oleh sahabat saya dari Singapura itu, dan kalau akan silap, pehak Perikatan-lah yang akan terkejut, kerana kalau mahu pun tidak apa dan tidak mahu pun tidak apa, sebab kalau terjadi satu² di-sini, boleh jadi dia ada negeri lain yang dia akan balek di-sana; jadi, perkara itu kita tidak hairan. Yang kita hairan orang² yang dudok di-sini. Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya menarek perhatian dalam Dewan ini ia-lah apabila sudah meluluskan Bill ini, dan perkara itu berjalan dalam negara kita, maka peristiwa² yang telah berlaku kepada S.C. dahulu jangan-lah

berlaku lagi, ia-itu apabila perkhidmatan mereka itu di-kehendaki, maka mereka itu di-panggil, dan apabila habis perkhidmatan itu, maka mereka itu di-biarkan sa-hingga pada satu masa menimbulkan satu ketegangan. Jadi, di-dalam kita menjalankan perkhidmatan negara kita ini, langkah² yang lebeh chermat hendak-lah kita berikan ka-dalam perlaksanaan ini. Jika tidak, maka negeri kita ini akan menjadi polis state, di-dalam kampung ada tentera, dalam pekan ada tentera, dan akhir-nya perbelanjaan kita ini, kita beratkan kepada satu usaha yang berupa military. Tetapi negeri kita tidak berperang dengan siapa pun, chuma yang kita berperang dalam masa kempen sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, memang-lah mustahak kita mengadakan perkhidmatan negara yang sa-macham ini, dan saya minta di-dalam perlaksanaan itu, kalau boleh di-dalam sekolah² menengah, patut di-adakan latehan² tentera itu, sa-hingga apabila tiap² ra'ayat kita yang muda ini keluar daripada sekolah dengan sendiri-nya mereka dapat latehan tentera, dengan demikian apabila kita hendakkan tenaga mereka, tidak-lah payah hendak mengadakan apa depoh dan latehan yang lebeh banyak, kerana mereka itu sudah mengerti asas² perang dan tahu memikul senjata. Kita tidak mahu semangat kita ini melampau², tetapi tenaga menunaikan-nya tidak cukup. Boleh jadi sa-saorang itu beruchap dalam Dewan ini, sebab Dewan ini terlepas segala²-nya daripada Undang², apa-tah lagi daripada peluru. Pendek kata berlaku-lah peperangan di-negeri kita ini maka suara² yang lantang itu boleh jadi tidak sa-timpal dengan tenaga yang kita hadapi. Tuan Yang di-Pertua, perlu-nya kita mengadakan perkhidmatan negara ini, saya terkenang pada mula² kita menempoh Emergency tahun 1948, dan saya suka memberitahu sahabat² saya daripada Pontian Selatan dan Yang Berhormat Menteri itu, ia-itu dalam kita menghadapi perkara yang berupa perang, tidak-lah sa-mudah yang kita beruchap dalam Dewan ini. Saya sudah menghadapi tentera kominis dalam hutan, lebeh lima tahun dan perkara itu lebeh berat daripada apa yang kita beruchap

dalam Dewan ini. Jadi, pelaksanaan terhadap perkhidmatan negara ini hendaklah di-susun, saya perchaya perkara ini akan mendapat sambutan daripada negeri² dalam Malaysia ini, dan termasuklah negeri Kelantan disini. Dan janganlah bimbang bahawa kalau Kelantan mengambil peranan bekerjasama dalam masaalah ini dengan Kerajaan Pusat, tidaklah bererti pula hendak menyediakan satu² tentera kerana hendak menakutkan Kerajaan Pusat itu. Kerana, ini adalah masaalah national, dan satu² perkara yang berbangkit yang berchorak national, saya rasa tidaklah patut berbangkit apa² perbahathan lagi dalam perkara ini. Itu-lah sahaja yang dapat saya menarek perhatian dalam Dewan ini. Terima kaseh.

Enche' S. Rajaratnam (Singapore):

Mr Speaker, Sir, I had not intended to participate in this debate because I had assumed that on this there would be such unanimity of opinion that there would have been no need for a debate; but I had a feeling that I might be forced to speak, because, before I came in, I saw the Honourable Members from Jakarta outside the Assembly. They looked a bit unhappy, and I knew that they were going to raise objections to this Bill. In fact, the Member for Batu had already changed line, the P.M.I.P. Members have changed line, and the Honourable Members from the Barisan Sosialis had to change line for two reasons. First, they are in difficulties inside their Party. A couple of months ago, Dr Lee Siew Choh denounced them as waverers, opportunists, and as running dogs for neo-colonialism in not opposing national registration, with the result that their Party was in great difficulty and dissension. So you notice, Sir, the relay race of Barisan Sosialis Assemblymen. One has gone and a new one has replaced the one that has gone. A speech had been written, discussions had been held, so it has now become necessary at least to show that they are better anti-colonialists than Dr Lee Siew Choh. Therefore, they are reversing their policy, because three months ago they were not going to oppose national registration, and they were denounced

as collaborators; so now they have to put up a show here of appearing to oppose this amendment to the Bill. But I was almost startled, Sir, because whoever wrote that speech has tried to wring tears from us by saying that our young men are dying in Borneo. Very good. That is true. That is a tearful scene. But he has forgotten to tell us who were the people who killed our young men. (*Pause*) Silence. Was it the neo-colonialists? Was it the British who killed them? The Honourable Member knows who killed them. He had nothing to say about that. Condemnation of those people who killed our young men? It is still not too late, Sir, because he has got his colleague who has not spoken. (*Laughter*). It is open to him to get up now and say that he condemns those who murdered our young men—the Indonesians. In fact, I am quite prepared even now to sit down for him to clarify his position, if he wants to—that he is prepared to condemn those who killed our young men. I am prepared to sit down any time if he wants to clarify. (*Pause*) He is not prepared, Sir (*Laughter*), and I can tell you, Sir, that tomorrow or the day after tomorrow Radio Jakarta will only report one speech made in this House—the Honourable Member's speech (*Laughter*). None of the others will be reported tomorrow. And that will be given as the voice of the patriots of Malaysia, the people who are being oppressed. That is the only speech that will be reported. I am returning to Singapore, Sir, and I will be looking up my monitoring digest, which has a restricted circulation, which reports the speeches of what the Indonesians call the freedom fighters and he would be the only freedom fighter whose speech will be heard over Radio Jakarta. May I, therefore, Sir, give a simple advice: Perhaps it is the best way to help these people.

He said earlier on that he is prepared to die for his country. But he forgot to tell us which country (*Laughter*). Which country—Malaysia? Is he prepared to die for Malaysia? Or is it some other country—Indonesia?

SOME HONOURABLE MEMBERS: Yes !

Enche' Lim Huan Boon: The place where I am staying.

Enche' S. Rajaratnam: The place where he stays is Kuala Lumpur. Singapore, Sabah, Sarawak and Malaya collectively became Malaysia. What country is he prepared to die for?

He made play of Asians fighting Asians. Perhaps he was too young to know the time when Japan invaded China. An Asian country was invading another Asian country, yet the Chinese people then thought that it was their duty to fight an Asian country who was an aggressor. And today Indonesia, which is an Asian country, is invading another Asian country, Malaysia. Therefore, it is the duty of an Asian to fight another Asian if that Asian is an aggressor. And when China was invaded by Japan, which is an Asian country, every Chinese patriot was enjoined to seek any assistance from any country, including the West, to repel another Asian country. Similarly, Sir, 10 million people who have not set foot on one inch of Indonesian soil. Does he deny our people the right to defend themselves, which is the purpose of this Bill.

They want to have it both ways, Sir. First, they say Malaysia is neo-colonial, because we are asking for help from the West, from foreign countries. But when we try to do something to make ourselves as far as possible self-sufficient to defend ourselves, they still condemn it. They condemn both. They say first, don't arm yourself to become self-reliant; that is wrong. It is equally wrong for us to get help from outside. What do they want? It is quite clear, Sir. They want us to be helpless before their friends—400,000 soldiers—all equipped, not with Indonesian arms, Sir, but with Russian arms—for which, I understand, they have not yet paid a cent; the Russian are having great difficulty to get them to pay the interest on the loans which they have had—can invade our country. Secondly, do we in Malaysia talk about crushing Indonesia? But their friends talk every day about crushing Malaysia, and yet they have nothing to say, not a word of condemnation about Indo-

nesia's repeated threats that they are going to "Crush Malaysia". Do we receive Indonesians from Indonesia into our country so that we can train them and send them back? But his friends get people from this country to go over to Indonesia to be trained to be sent back: some of them, I have no doubt, Sir, are members of his party. Therefore, he is fortunate in that he is living in a democratic country where not only a man who is disloyal, or advocates a course of action which is disloyal to this country, i.e. to resist us from doing anything to defend ourselves, is free but we permit such people to be elected to be represented in this House; thirdly to be able to read speeches which are not written by him; and fourthly to openly advocate a course of treason. In Indonesia if any citizen should get up and preach the cause of Malaysia, I think he would come to great harm. The Honourable Member here comes to no harm, except to listen to rebukes from his political opponents. But in other countries a speech like his would have meant that he would have disappeared from this Chamber the moment he left this Chamber. To that extent, whatever our fault, Malaysia is one of the few countries in this part of the world where democracy is still working, where both in spirit and substance democracy is obtainable. Let him not destroy that. At least have enough respect for Malaysia to say that whatever his disagreement, it is something worth preserving, that he and his party will do nothing to destroy that.

Secondly, here is an experiment, again very rare in this part of the world, where 10 million Malaysians of many races, many cultures are harmoniously and peacefully working to build this into a homogenous democratic society. In Indonesia, Sir, he knows what happens—he especially should know. Racial tolerance is something which you will never find there. Here is a country where at least despite provocations, despite the propaganda of the Indonesian racialists to destroy democracy, it thrives. And yet he is helping by the kind of speech

he—or his party—has made here to destroy something, which is worth preserving. So, Sir, in view of the fact that the Barisan Sosialis is the only Opposition party which is out of line, I suggest that the Honourable Member asks his colleagues to write another speech—it is still not too late, we have still got till 8 o'clock—to at least correct a line which must inevitably lead to the course of treason. Thank you.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian menyokong usul ini ia-itu Undang² mengenai Pindaan Perkhidmatan Negara. Saya ingin menarek perhatian pehak Kementerian yang berkenaan, manakala Rang Undang² ini di-luluskan, patut-lah di-ambil perhatian yang berat di-atas orang² yang akan mendaftarkan diri mereka itu untuk menjadi sa-bagai ahli Perkhidmatan Negara, kerana harus, boleh jadi ada di-antara orang² ini akan menjadi sa-bagai ahli² yang hendak menyeludup yang hendak merosakkan ranchangan Kerajaan yang hendak mempertahankan negara ini. Tentu-lah kita boleh dapat tahu ada di-dalam negara kita ini pengkhianat² yang chuba menunggu masa dan menunggu peluang untuk menyeludup dan menghanchorkan apa juga ranchangan yang di-putus atau yang di-buat oleh Kerajaan. Saya harap orang² ini kita awasi sungguh² dan di-tinjau dengan sa-dalam²-nya jiwa mereka itu sama ada mereka ini sa-benar²-nya ta'at kepada negara ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ada perlindungan yang di-beri oleh beberapa gulongan, khas-nya parti² lawan yang sa-belah kiri dan pelampau yang pada luar-nya menyokong Kerajaan dan pada dalam-nya atau hakikat-nya membangkang dan mero-sakkan segala ranchangan Kerajaan. Perkara ini pun patut di-ambil perhatian yang berat juga kerana untuk memelihara negara kita yang pementahan-nya berdasarkan demokerasi berparlimen. Oleh sebab masa tidak ada, sa-takat ini-iah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-

Pertua, saya juga suka mengambil bahagian menyokong Bill yang ada di-hadapan kita ini ia-lah memandangkan kedudukan negeri kita yang pada masa ini sedang bukan sahaja di-ancham oleh Indonesia, tetapi ia-lah satu anchaman yang sangat besar lagi ia-itu-lah anchaman kominis yang chuba hendak menghapuskan segala Kerajaan yang berchorak demokerasi di-Tenggara Asia ini. Jadi, dalam hal ini-lah maka chara² mereka hendak menghapuskan Kerajaan² atau pun mereka yang sayangkan demokerasi bermacham² chara ia-itu chara menunjukkan kekuatannya, maka telah kita alami semenjak emergency di-ishtiharkan 14-15 tahun dahulu, dan bagitu juga sa-telah gagal mereka sa-chara ini, mereka menggunakan pula chara menyeludup dalam segala chara kehidupan kita di-negara ini dengan bantuan daripada tali barut mereka yang ada dalam negeri ini yang pada masa dahulu kita tidak nampak dengan terang, tetapi sekarang dengan jelas-nya ada kita dengar bahkan dalam Dewan ini sendiri. Maka undang² sa-macham ini chuma satu bahagian sahaja yang kita menentang ia-itu menentang keganasan mereka sa-bagaimana mereka menggunakan kekuatan dengan sa-chara senjata.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya teringat kepada peperangan di-antara negara kita dengan Jepun dahulu yang mana dengan senang negara ini telah dapat dimasoki oleh tentera² Jepun ini dengan bantuan daripada tali² barut. Maka saya rasa sa-lain daripada undang² ini, ia-itu chuma berkehendakkan pemuda² kita berkhidmat dengan tentera, patut juga perhatian di-ambil terhadap mereka yang chuba hendak menjatuhkan, hendak mensabotach (sabotage) dan hendak menjahanamkan segala pertahanan atau pun kita mempertahankan kemaraan fahaman kominis di-negeri ini.

Chontoh-nya telah ada ia-itu pada masa tahun 1942. Sa-balek-nya menjadi ingatan kepada kita ia-itu telah ada dalam Dewan dan dalam negeri ini dan juga dalam Pilehan Raya baharu² ini dengan jelas-nya mereka

yang anti-kita dan anti-Kerajaan sedang bermaharajalela. Sambil itu saya berharap Kerajaan tidak lagi ragu² mengasingkan mereka ini, sebab kalau tujuan kominis di-Tenggara Asia menggunakan Indonesia sa-bagai latar belakang, menggunakan pemberontakan atau mencheroboh negara kita ini dapat-lah sa-kurang²-nya orang² yang chuba hendak menikam kita dari belakang dapat kita halau, dapat kita lengkongkan dan kita asingkan daripada negara kita. Jangan-lah kelak sa-bagaimana yang terjadi pada masa tahun 1942 dahulu dengan Barisan Kelima Jepun itu menyebabkan pertahanan negara Malaya pada masa itu dengan senang jatuh ka-tangan Jepun. Jadi, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, Bill ini memang sangat² kita berharap ia-itu pemuda² kita saya perchaya, sebab saya tahu dalam lawatan saya ka-daerah² saya, kita berasa megah yang pemuda² kita menanti² dan mengalu'kan Undang² yang sa-macham ini untuk mempertahankan negara kita.

Telah ada kejadian di-negara kita ini, terutama di-Sabah di-mana kita tengok tentera kita di-serang oleh gerombolon senjata Indonesia, tetapi bagi pehak kita chuma mempertahankan sahaja, bahkan saya dapat tahu perintah² telah di-beri kepada askar kita ini jangan menjahanamkan mereka itu sa-belum mereka itu menggunakan senjata terhadap pegawai² kita. Saya puji dalam hal ini kerana kita tidak mahu di-tudoh mencheroboh, tetapi saya rasa chara yang sa-macham ini sudah lapok dan sudah tidak di-kehendaki memandangkan bagaimana azam Kerajaan Indonesia sa-telah gagal-nya Persidangan Kemunchak Tiga Negara di-Tokyo dahulu. Maka pencherobohan itu galak sangat bahkan perayeran kita ia-itu segala kapal kita di-serang dengan kapal perang. Jadi, saya rasa sampai-lah masa-nya kita tidak menanti lagi atau mempertahankan sahaja, tetapi patut di-serang mereka yang telah masuk ka-dalam wilayah kita itu. Bagitu juga memandangkan bomb yang di-sediakan dalam negara kita ini, di-Singapura dan lain². Inilah satu tanda yang mereka itu ada sokongan yang berat daripada orang²

yang mengaku ra'ayat negeri kita ini. Jadi, saya rasa sudah sampai masa-nya kita menimbangkan balek bagaimana kita menjalankan chara masa emergency dahulu, ia-itu di-timbangkan sa-mula bagaimana keselamatan ra'ayat negara ini supaya kita menyediakan payong sa-belum hujan.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah dengar Yang Berhormat dari Besut mengatakan kepada Dewan ini ia-itu tidak ada tanda yang boleh kita mengadakan undang² ini. Saya tidak erti dan hairan, Tuan Yang di-Pertua, apakah tanda-nya? Ada-kah askar kita yang mati di-tembak oleh pengganas Indonesia bukan daripada satu tanda dan sharat yang patut kita sediakan undang² yang sa-macham ini?

Ada-kah beliau memejamkan mata dalam hal ini. Jadi di-sini satu chontoh, Tuan Yang di-Pertua, apa yang di-katakan dalam pilehan raya dahulu oleh mereka² dari party Islam sa-Tanah Melayu terhadap Kerajaan kita—terhadap Kerajaan Malaysia ini yang saya anggap mereka² ini ia-lah subversive dalam negara kita ini. Jadi saya rasa saya tidak tahu-lah dia hendak nanti ia-itu sa-telah kita semua ini di-hapuskan oleh tentera Indonesia baharu-lah kita hendak sediakan pertahanan sa-bagaimana Undang² kita ini. Ini saya rasa tentu-lah bukan termasuk pada fikiran kepada orang² yang ada fikiran waras.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu perkara lagi yang saya dengar daripada wakil Bachok tadi mengingatkan kepada Kerajaan ia-itu kata-nya jangan-lah lupa, jangan-lah sa-bagai S.C. ia-itu perkhidmatan-nya sa-telah mereka itu berkhidmat mereka gagal di-jagai oleh Kerajaan. Saya suka mengingatkan kepada Yang Berhormat itu, Tuan Yang di-Pertua, hal keadaan mempertahankan negara kita, jika kita berkhidmat kerana upahan—sa-bagai reward, atau mengharapkan sagu hati terhadap perkhidmatan kita kepada tanah ayer kita, saya tidak mengerti bagaimana-kah chinta kita mempertahankan negara. Jika-lah ada mereka² yang sa-macham wakil dari Bachok itu memikirkan bagitu, saya rasa ta' tahu-lah di-mana saya hendak meletakkan mereka ini. Jadi untuk

mempertahankan negara, kita tidak berkehendakkan mendapat sagu hati dan sa-bagai-nya. Jadi saya rasa alasan² daripada wakil dari Bachok dan juga wakil dari Barisan Sosialis Singapura itu, sa-mata² untok memberi peluang yang besar kepada pengganas² yang sekarang terang², Tuan Yang di-Pertua, ia-itu yang di-gendalkan oleh Russia. Jadi tengok sekarang pergaduhan di-antara Indonesia dengan kita, bukan lagi bergaduh Indonesia dengan kita tetapi ia-lah kita bergaduh antara block² komunis dengan kita yang berfahaman demokerasi. Jadi saya rasa jikalau-lah ada lagi siapa² yang menentang Rang Undang² ini saya minta dan saya chabar Kerajaan jangan tunggu² lagi mereka² ini di-benarkan bebas lagi dalam negara Malaysia ini.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam): (*rises*)

Mr Speaker: Boleh saya benarkan Yang Berhormat berchakap tetapi pendek sahaja, sebab masa kita hampir habis.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah mengambil bahagian di-dalam perbincangan ini dan saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada pehak Menteri Pertahanan yang telah dapat menyediakan satu Undang² yang sa-rupa ini semata² di-gunakan untok mempertahankan negara dan bangsa kita daripada anchaman Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, saya sokong chadangan yang di-kemukakan ini, saya merasa sedikit dukachita apa yang telah di-ucapkan oleh wakil dari Baahok kalau tidak silap saya wakil PAS yang telah menganggap bahawa penyokong² Perikatan atas Undang² ini di-anggap sa-bagai raja di-dalam bangsawan atau pun lakunan² bangsawan raja. Dan yang kedua-nya pula, dia minta sangat kalau sa-kira-nya Undang² ini di-luluskan-lah bukan satu serangan balas kepada konfrantasi Indonesia. Jadi fahaman² atau pun pendapat² dari wakil Bachok yang saperti ini saya rasa beliau ini ada-lah sangat sayang kepada Indonesia supaya jangan teraniaya walau

sadikit pun, walau pun Indonesia telah membuat kekejaman dan kekerasan terhadap tanah ayer kita ini mengikut istilah atau pun kehendak wakil dari Bachok itu supaya jangan kita men-chachat nama baik Indonesia itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sa-rupa ini ada-lah sangat² menyedehkan mengikut sa-bagaimana fikiran² wakil Bachok itu dan saya tidak berasa hairan daripada sa-malam lagi saya perhatikan wakil pehak PAS di-dalam masa kita membincangkan berkenaan dengan menjaga keselamatan penuntut² Universiti daripada anasir² komunis, wakil daripada PAS itu telah bersama dengan wakil daripada Socialist Front dan Barisan Sosialis menentang Kerajaan. Ini ada-lah satu tanda yang chukup terang dan nyata bagaimana pendirian party PAS dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya suka-lah menyebutkan satu cherita apa yang terjadi sa-benarnya pada masa pilehan raya di-jalanan di-Sabak Bernam sana. Tuan Yang di-Pertua, dalam menjelang hari pilehan raya dalam Sabak Bernam sana, nelayan² daripada pantai Sabak Bernam yang pergi menangkap ikan di-laut Selat Melaka telah di-temui oleh pasukan Polis Indonesia dan apabila berjumpa dengan nelayan² daripada bangsa Melayu di-sana maka Polis Indonesia itu memberi nasehat kepada nelayan, apabila membuang undi jangan-lah undi sampan layar. "Tuan² yang dudok dalam Tanah Melayu hendak-lah tuan² mengundi kepala lembu atau bulan bintang".

Jadi perkara sa-rupa ini sudah nyata-lah pada hari ini dapat kita saksi bagaimana perhubungan di-antara komunis Indonesia dengan parti² Pembangkang yang telah menyuarakan pada hari ini, yang dapat kita dengar dengan terang dan nyata, berhubung dengan fahaman parti² mereka itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu-lah sahaja ucapan yang dapat saya sampaikan oleh kerana saya fikir perkara ini ada-lah sangat perlu saya beruchap; saya sudah 7/8 hari dalam Majlis ini tidak patut kita diamkan dan tidak patut kita biarkan

dan patut sangat pehak Kementerian Pertahanan atau Kementerian Dalam Negeri mengambil perhatian dengan sikap² atau fahaman² atau pun pendirian² parti Pembangkang yang sa-rupa ini. Sekian, terima kaseh.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah mengucapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah memberikan sokongan yang kuat kepada Rang Undang² yang ada di-hadapan kita ini. Begitu juga saya suka hendak menerangkan, pehak Kerajaan sangat sukachita melihat pendaftaran bagi National Service ini ada-lah berjalan dengan memuaskan hati di-semua daerah di-Malaysia ini termasuk Sabah, Sarawak dan juga Singapura. Begitu juga. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kaseh kepada Ahli Yang Berhormat dari Jitra-Padang Terap yang telah memberi akuan bahawa pehak kaum wanita di-seluruh Malaysia ia-itu mereka sedia mengambil peranan dalam mempertahankan negara kita. Sungguh pun dalam Undang² ini tidak-lah termasuk wanita akan tetapi pehak Kerajaan berchadang hendak mengambil pemudi² kita untuk berkhidmat sa-bagai sukarela dalam tentera tempatan.

Saya berharap ini dapat-lah di-beri peluang kepada pemuda² yang suka hendak mengambil bahagian dalam perkhidmatan negera kita ini. Tuan Yang di-Pertua, saya pun berasa hairan di-atas ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bachok, nampak-nya Yang Berhormat itu hendak berlindung di-balek tabir, sama ada menentang atau pun tidak, pencherobohan yang di-perbuat oleh Indonesia terhadap negara kita ini. Saya fikir patut-lah PAS ini bertegas benar menerangkan dengan tegas bagaimana pendirian parti-nya yang sa-benar terhadap konfrontasi, dan terhadap pencherobohan yang di-datangkan oleh Indonesia kepada negara kita ini.

Kita menghadapi masa yang sangat genting dalam sejarah kita ini. Pemuda² kita terpaksa mengorbankan jiwa-nya. Sa-patut-nya bagi semua parti siasah yang mengaku ta'at setia kepada

negeri ini, memberi akuan yang tegas, sama ada mereka berdiri di-belakang Kerajaan, mempertahankan negara kita dan menentang pencherobohan yang datang di-negara kita ini. Jadi, patut-lah, saya fikir, pemuda² negeri ini terutama sa-kali penyokong² PAS, faham dengan sa-benar²-nya, mana pendirian parti-nya yang sa-benar, kerana konfrontasi pencherobohan yang di-perbuat oleh Indonesia.

Saya fikir tidak usah-lah kita hendak berpusing belit dengan perkataan² yang tidak tegas, kita boleh tahu hal ini dengan sa-benar-nya. Jadi, elok-lah di-tegaskan, supaya ra'ayat negeri ini tahu sama ada kita berdiri di-belakang negara kita mempertahankan negara kita atau pun tidak.

Mr Speaker, Sir, the only opposition to this Bill came from the Member from the Barisan Sosialis of Singapore. I am not surprised myself at the attitude shown by the Barisan Sosialis, because we know what the policy of the Party is—and I am very grateful to the Honourable Member from Singapore, Enche' Rajaratnam, for having so adequately replied to the Member from the Barisan Sosialis. Sir, it is really very strange how a man can stand up in this House and say that he is loyal to the country and is faithful to the people of this country, when he is not prepared to support a measure to defend this country in this hour of crisis. Well, Sir, we know where these people stand, and I do not think I should waste the time of this House in trying to convince him that his attitude is wrong. His loyalty lies outside this country, and this is known to us. So, I would ask this House and this country to beware of these people, because they are a danger to this country; obviously their loyalty lies outside this country, and we must beware of these people in this time of crisis, because our whole future and the lives of our people are at stake. We must take adequate measures to defend ourselves and to protect the lives of our people.

Sir, I am also very grateful to the Honourable Member from Sarawak for having supported this Bill. Also I

am very proud to know that the people of Sarawak and Sabah, who have just joined us, have come forward so readily to register themselves to defend our country. And, as I have said, I am very pleased with the progress of registration for National Service in Sarawak and Sabah, and we do hope that we shall be able also to call these people from Sabah and Sarawak for training together with the people in this country, the old Federation.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolves itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Speaker *in the Chair*)

Clauses 1 to 5 ordered to stand part of the Bill.

Schedule ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE CUSTOMS (AMENDMENT) BILL

Second Reading

Enche' **Tan** Siew Sin: Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "An Act to amend the Customs Ordinance, 1952," be read a second time.

Sir, the purpose of this Bill can be summarised as follows:

- (a) to include a definition of the words "intoxicating liquor" and to extend the definition of the words "preventive vessel";
- (b) to clarify the interpretation of certain clauses and provisions existing in the principal Ordinance and thereby provide for a stricter control and more effective enforcement of the provisions of that Ordinance;
- (c) to assist domestic manufacturers to obtain draw-back on duty paid

on raw materials used in the manufacture of products which are subsequently re-exported;

- (d) to provide for an increase in the penalties now prescribed in paragraph 1 of sub-section (1) of Section 131 and paragraph 1 of Section 132 of the Ordinance.

Hon'ble Members are aware that the Customs Ordinance, 1952, i.e. the principal Ordinance, was drawn up well over a decade ago. As such, it is not surprising that, of late, it has been found that certain provisions of the Ordinance fall short of our present day requirements. The progress that has been made by this country in recent years in the field of industrialisation has made it necessary to amend these provisions in the principal Ordinance in order not only to facilitate Customs administration but also to keep pace with this progress.

I do not propose to explain in detail the intention of the various amendments to be made. However, I should like to point out that, apart from the amendment to Section 95 of the principal Ordinance (that is in respect of draw-back facilities), the other amendments contained in the Bill are largely technical in nature. They are considered necessary in view of the experience gained in Customs administration during the last few years, particularly since the Government embarked on a definite policy of industrialisation.

Clause 8 of the Bill seeks to amend Section 95 of the principal Ordinance and is designed to help domestic industries. Hitherto, only the manufacturer who imported raw materials used in the manufacture of goods subsequently re-exported was given draw-back facilities. With this amendment, however, any manufacturer or any person to whom he has sold such goods could obtain the draw-back if such goods were subsequently re-exported. It will be seen, Sir, that this will certainly be an incentive to our factories to make maximum use of such home-manufactured products for export purposes.

Before I sit down, I would like to remind Honourable Members of the amendment slip which has been circulated to Honourable Members and which I hope has the approval of this House. It is an amendment to paragraph 1 of the Schedule, and it is purely a drafting error.

Dr **Lim Swee Aim:** Sir, I beg to second the motion.

Enche' Mohamed Zahir bin Haji Ismail (Sungei Patani): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bill Customs Ordinance ini, tetapi saya ragu² berkenaan dengan Section 10 Rang Undang² ini yang "Meminda section 125" Undang² Customs dengan proviso yang berbunyi:

"Provided that any such application shall be made before the expiration of one calendar month from the date of forfeiture of such goods or from the date on which such goods shall be taken and deemed to be forfeited, as the case may be.

Tuan Yang di-Pertua, ini kalau sa-kira-nya sa-suatu, katakan-lah lori, atau pun kereta yang telah pun ditahan oleh pihak Customs, kemudian kalau sa-kira-nya mengikut Section 125 itu, barang itu akan di-anggap terampas, jika sa-kira-nya tuan motor-car, atau pun tuan lori itu tidak membuat satu appeal—permohonan kepada Minister supaya kereta atau lori-nya itu di-serahkan balek, oleh sebab yang tuan kereta atau pun tuan lori itu tidak ada sangkut-paut dengan perbuatan² jenayah bersangkutan dengan tangkapan, atau pun rampasan lori, atau pun kereta itu.

Tuan Yang di-Pertua, benda yang saya ragu²kan itu ia-lah masa yang di-berikan di-bawah Rang Undang² ini ia-lah satu bulan sahaja dan lazim-nya kereta², atau pun lori² yang di-punyai² oleh orang² Melayu yang mempunyai Permit A atau pun Permit B yang boleh di-sewakan, maka kadang² lori² atau pun kereta² itu di-sewakan dengan tidak setahu tuan-nya telah membawa barang² yang berchanggih di-bawah Undang² ini. Jadi, kalau sa-kira-nya dia tidak appeal—tidak membuat bantahan dalam masa satu bulan, maka kereta itu, sungguh pun tuan kereta itu, atau pun tuan lori itu tidak salah—ta' ada sangkut-paut apa² di-atas

perkara rampasan, maka kereta-nya atau lori-nya tentu-lah terampas, Katakan-lah dia membawa barang² yang ta' membayar chukai, maka jikalau sa-kira-nya dalam masa satu bulan itu dia ta' ada membuat appeal, maka kereta itu di-kira rampas. Jadi, saya rasa, perkara ini ta' patut-lah sangat, dengan kerana saya rasa kalau-lah dia terlambat, tetapi jikalau sa-kira-nya dia itu ta' salah, oleh sebab barangkali dia terlalai, atau ta' membuat appeal, atau pun barangkali oleh sebab dia ta' tahu yang dia kena buat appeal; sungguh pun dalam Undang² ada mengatakan ia-itu kalau ta' tahu Undang² itu bukan-lah satu excuse, tetapi bagaimana pun principle dan dasar-nya itu ta' patut-lah jikalau dalam masa satu bulan itu, dia ta' appeal, maka Kerajaan akan merampas lori, atau perahu, atau pun motor-car dia.

Jadi, dengan hal yang demikian, saya minta-lah kepada Menteri yang berkenaan untuk menimbangkan. patut-kah atau tidak dalam mana² case yang berpatutan di-beri masa itu panjang sa-takat mana yang patut. Kalau sa-kira-nya boleh di-pinda perkataan²:

Provided that any such application shall be made before the expiration of one calendar month from the date of forfeiture of such goods or from the date on which such goods shall be taken and deemed to be forfeited, as the case . . . "or within such time as may be permitted by the Minister of Finance."

Jadi, beri-lah peluang kepada orang² itu supaya dia boleh membuat appeal dalam masa sa-lepas daripada satu bulan itu.

Enche' Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, I am grateful to the Honourable Member for his support of this Bill. He is probably aware that the original section 125, i.e. section 125 of the principal Ordinance, does not provide for a time limit within which a person can appeal for the return of the vehicle which has been ordered forfeited by a court, and the effect of clause 10 of this Bill is to introduce this time limit. I am not quite clear what is really worrying the Honourable Member, because if the forfeiture is ordered by a court of law, it is always within his power, and there should be

no difficulty for him, to lodge an appeal within one month of the forfeiture. If, on the other hand, he decides to appeal against his conviction, because this forfeiture is only ordered upon a conviction, then, of course, there is no question of an appeal being lodged until the court of appeal—whichever court of appeal—has decided upon his appeal; and if the decision on the appeal goes against him, he would still be given one month in which to ask for the return of his vehicle. I think Honourable Members will appreciate that it is undesirable that people should be given unlimited time in which to lodge this appeal.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Speaker in the Chair)

Clauses 1 to 6 ordered to stand part of the Bill.

Clauses 7 to 12—

Enche' Mohamed Zahir bin Haji Ismail: Tuan Pengerusi, saya hanya hendak menambah apa yang saya katakan tadi ia-itu yang bersangkutan dengan appeal kapada Mahkamah, bukan-lah perkara yang saya sebutkan tadi, dengan kerana Section 124 (1) di-bawah Customs Ordinance itu ia-itu, jikalau sa-kira-nya dia berbunyi:

If there be no prosecution with regard to any goods seized under this Ordinance, such goods shall be taken and deemed to be forfeited at the expiration of one calendar month from the date of seizure . . ."

Ini yang saya chakapkan tadi, Tuan Pengerusi, bukan benda yang telah pun di-rampas, atau pun yang diperintahkannya oleh Mahkamah, ia-itu jikalau sa-kira-nya sa-suatu benda itu yang telah di-tangkap, atau pun di-rampas oleh pihak Kastam dan ta' ada pembawaan case bichara dalam Mahkamah, jadi yang itu-lah jikalau sa-kira-nya di-bawah Undang² baharu ia-itu Section 125 yang hendak di-pinda itu, jikalau sa-kira-nya pihak

Kastam tangkap barang itu, kemudian ta' ada bichara dalam Mahkamah dan jikalau sa-kira-nya tuan barang itu ta' appeal dalam masa satu bulan daripada lepas dia di-tangkap itu, maka tuan barang itu ta' ada peluang lagi membuat appeal jikalau sa-kira-nya dia lepas dalam masa satu bulan itu. Jadi, yang itu-lah yang meragu²kan saya. Jadi, saya rasa, kita tidak patut kalau sa-kira-nya lepas daripada satu bulan itu dia ta' boleh appeal, dengan kerana barangkali dia teraniaya-kah, atau pun barangkali motor-car atau pun lori-nya di-beri driver-nya bawa, kemudian driver itu tidak memberi tahu tuan-nya dalam masa satu bulan itu. Jadi ta' patut-lah hendak di-ambil barang² itu dan kita ta' beri hak kapada tuan barang itu hendak appeal lepas dari satu bulan itu.

Saya pun bersetuju juga bagaimana yang di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ia-itu ta' patut-lah kita hendak biarkan sa-suatu benda itu dengan memberi orang appeal dengan ta' ada had masa. Tetapi dalam perkara ini, kita boleh melonggarkan sedikit sekatan-nya, kadang² katakan-lah tuan motor-car itu sakit, dia ta' tahu pun apa yang terjadi. Jadi, dengan hal yang demikian, kita boleh-lah jika sa-kira-nya keadaan yang mengizinkan kita melonggarkan supaya membolehkan tuan barang itu appeal walau pun sa-lepas daripada masa satu bulan itu sa-bagaimana perka-taan² yang saya sebutkan tadi.

Enche' Tan Siew Sin: Mr Chairman, Sir, I am sympathetic to the point of view raised by the Honourable Member. He is, I think, thinking of a case where there is seizure but there is no prosecution, but I think it might be covered by Section 110 of the principal Ordinance. Anyway, I am prepared to look into this point again. If it is not covered by the cases which the Honourable Member has in mind, I will see what can be done about it.

Claused 7 to 12 inclusive ordered to stand part of the Bill.

SCHEDULE

Enche' Tan Siew Sin: Mr Chairman, Sir, I wish to propose the amendment

of paragraph 1 (b) of the Schedule in the manner indicated in the amendment slip, which has already been circulated to Honourable Members, viz:

Paragraph 1 (b)—to leave out the word "after" and add the word "before" instead thereof.

The reasons for the amendment have already been given by me.

Question put, and agreed to.

Schedule, as amended, ordered to stand part of the Bill.

Bill reported with amendment: read the third time and passed.

THE EXCISE (AMENDMENT) BILL

Second Reading

Enche' Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "An Act to amend the Excise Act, 1961" be read a second time.

Sir, the Bill is intended to amend the Excise Act, 1961, i.e. the principal Act, in two ways. Firstly, it is intended to permit the removal of dutiable goods, such as petroleum, without payment of duty provided that sufficient security is lodged with the Comptroller of Customs and Excise. Secondly, it is intended to increase the penalties for some of the offences under the principal Act.

Section 24 of the principal Act provides that no dutiable goods shall be removed from a place licensed under Section 16 of that Act, or licensed warehouse unless the excise duty on such goods has been paid. On the other hand, Section 72 (b) of the Customs Ordinance, 1952, permits the removal of imported goods, such as petroleum, from a licensed warehouse before payment of the import duty due if security has been lodged to the satisfaction of the Comptroller. In view of this discrepancy, it is considered that such facilities as accorded to imported goods should also be accorded to goods subject to excise duty. Clause 2 of the Bill seeks to

provide the necessary authority to allow the removal of goods subject to excise duty if in an order levying excise duties it is provided that security can be lodged in place of payment of duty.

The Bill also seeks to increase the penalties on offences committed under Sections 73, 74, 76, 77 and 78 of the principal Act. For instance, Section 73, relating to evasion of excise duty and illegal manufacture of, dutiable goods and tobacco, provides that a person guilty of an offence under this Section for the first time shall be liable to a minimum fine of not less than six times the amount of duty or \$5,000 whichever is the lesser, and a maximum fine of not more than twenty times the amount of duty or \$5,000 whichever is the greater, provided that when the amount of duty cannot be ascertained, then the penalty may amount to a fine not exceeding \$5,000. It is considered that the penalties now provided in the principal Act are not sufficiently high to act as a deterrent. The increase in the penalties is shown in the Schedule to the Bill. It is considered that the increase in the penalties is justified so that it would act as a deterrent to potential offenders under the principal Act.

Before I sit down, Sir, I would like to point out that there is a small typographical error in the Schedule of the Bill. On page 2, Section 74, the word "of" should be inserted before the word "not" in the second column in line 2. This is purely a drafting error, and if you, Sir, will allow, I propose to correct this error in the Committee stage.

Sir, I beg to move.

Dr Lim Swee Aun: Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Speaker in the Chair)

Clauses 1 to 3 inclusive ordered to stand part of the Bill.

SCHEDULE—SECTION 74

Enche' Tan Siew Sin: Mr Chairman, Sir, I would like to propose the amendment of the Schedule by the insertion of the word "of" on page 2, column 2, line 2, between the inverted commas and the word "not". I have already given the reason for this amendment.

Question put, and agreed to.

Schedule, as amended, ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE ASSIGNMENT OF EXPORT DUTY (MINERAL ORES) BILL

Second Reading

Enche' Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "An Act to provide for the assignment by the Federation Government to the State Governments of a portion of export duty collected by the Federation Government in respect of certain mineral-ores, and for matters connected therewith" be read a second time.

It will be recalled that my Honourable colleague, the Deputy Prime Minister, when introducing the Constitution (Amendment) Act, 1962, gave an undertaking that in view of the amendment to Article 110 of the Constitution, the Government would consider assigning a part of the export duty on minerals (other than iron ore and tin) to the States in which the minerals were mined. Article 110 (4) (a) of the Constitution makes it necessary for specific legislation to be passed before the Central Government can assign Federal revenue to the various States in Malaysia. The Bill now before the House seeks to provide the Central Government with the necessary legislative authority to assign a proportion of the export duty collected on the minerals specified in column 1 of the Schedule to the various States shown in column 2 of

the same Schedule. It is proposed that 50 per cent of the export duty collected on such minerals be assigned to the State Governments concerned. It will also be noted that oil has been excluded from the minerals specified as it is considered that the question of revenue derived from oil must receive separate consideration.

It will be observed that under Section 2 (2) of the Bill, it will be unlawful for State Governments to levy royalties or similar charges except with the written agreement of the Minister of Finance, but it will be in order for a State Government to specify in a mining lease for the payment of royalty at a rate to be laid down subject to the written agreement of the Minister of Finance. This is in line with the policy of the Federal Government to prohibit the imposition of royalty on any mineral which is also subject to the payment of export duty although it may be necessary to allow for the imposition of royalty in respect of minerals which are not exported but are used by domestic industry within Malaysia.

By virtue of Article 112 (c) of the Constitution of Malaysia, the provisions of sections 2 and 3 of the Bill will not apply to the States of Sarawak and Sabah, but under section 4 of the Bill, these two States cannot impose royalty amounting to more than ten per cent *ad valorem*, calculated as for export duty, without the concurrence of the Minister of Finance.

The House will note that the date of coming into force of these arrangements has not yet been fixed. In view of this, the Central Government has given an undertaking to assign to the State Governments concerned, on an *ex gratia* basis, 50 per cent of the export duty on the minerals specified in the Schedule collected since 1st January, 1963. The House will agree that this represents a fair settlement of the proceeds.

Sir, I beg to move.

Dr Lim Swee Aun: Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Speaker *in the Chair*)

Clauses 1 to 4 inclusive ordered to stand part of the Bill.

SCHEDULE

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, dalam perkara ini saya hendak berchakap sedikit sahaja. Tuan Pengerusi, yang sa-benar-nya export duty daripada bijeh bauxite dan sa-bagai-nya, sa-benar-nya tidak banyak. Pehak Kerajaan Pusat tentu-lah tidak mengharapkan terlalu banyak dapat wang daripada export duty; barang tersebut ada dalam column yang kedua daripada schedule ini. Jadi saya suka memberi satu shor; bahawa, tidak sekarang, patut-lah menjadi satu pertimbangan bagi Menteri Yang Berhormat bahawa pada masa akan datang pemberian sa-paroh daripada export duty kepada Kerajaan tiap² Negeri itu di-naikkan menjadi 75 peratus atau pun sa-kurang²-nya dua pertiga saperti lazim-nya di-buat pada iron-ore atau sa-bagai-nya.

Enche' Tan Siew Sin: Mr Chairman, Sir, I think the Honourable Member is aware that we discussed this matter very exhaustively in the National Finance Council, and it was generally agreed then that 50% was a fair basis. I agree that the amount involved is not tremendously large, but I think the principle is important and I think 50: 50 is as fair a division as any.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Kalau tidak salah ingatan saya dalam National Finance Council itu sudah-lah di-beri jaminan oleh Menteri Yang Berhormat itu bahawa boleh-lah di-timbangkan pada masa akan datang. Yang saya hendak sebutkan ini, saya hendak dengar bahawa Menteri Yang Berhormat itu memberi jaminan dalam Rumah yang mulia ini bahawa pada

masa akan datang akan di-timbangkan saperti yang di-jaminkan dalam meshuarat itu.

Question put, and agreed to.

Schedule ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE FINANCIAL PROCEDURE (AMENDMENT) BILL

Second Reading

Enche' Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to amend the Financial Procedure Ordinance, 1957", be read a second time.

As Honourable Members are fully aware, all Government daily-rated employees in the States of Malaya have been converted to monthly-rated with effect from 1st January, 1963. Their monthly salary is now calculated on the basis of 27 days of their daily pay. The effect of the change in the status of this category of Government employees, in so far as the Financial Procedure Ordinance is concerned, is that their posts must be shown under the Personal Emoluments sub-heads of the Ordinary Estimates in accordance with sub-section (2) of section 15 of the Ordinance, in respect of Federal Estimates, and sub-section (2) of section 29, in respect of State Estimates. Sub-section (2) of section 15, and sub-section (2) of section 29, which are identical, read as follows:

"The first sub-head under each head of expenditure in the estimates shall show the public offices in that head which are remunerated at monthly rates of pay and the personal emoluments estimated to be paid in respect of them."

Hitherto, these employees, being daily-rated, have been paid from the Other Charges Annually Recurrent or Other Charges Special Expenditure sub-heads of the Ordinary Estimates or from sub-heads of the Development Estimates.

When these employees were first converted to monthly-rated, attempts were made to show their posts under

the Personal Emoluments sub-heads of the Estimates but this has now proved to be extremely difficult for several reasons:

Firstly, an employee in this category normally carries out Federal work one day and State work the next day; or he may work on one project for a couple of days and move on to other projects on other days. Thus, it is difficult to determine from what Personal Emoluments estimates he should be paid.

Secondly, in the case of the P.W.D. and D.I.D., most of the workers are employed by the States. Hitherto, if they work on Federal projects such as the construction of a school or hospital, their wages are charged to the project votes. If their salaries are now shown under Personal Emoluments, their posts must necessarily appear in the State Estimates since they are State employees. States have indicated that they would not be able to meet the wages of these workers pending reimbursements from the Federal Government which may take a long time to finalise. In any case, it will be extremely difficult to determine how much the Federal Government should reimburse the States since some workers will be working on State as well as Federal projects as I have just mentioned.

Thirdly, as the number of this category of Government employees fluctuates from time to time, depending on the amount of work to be done, it will be difficult to alter the Estimates from time to time.

And finally, it will be difficult to estimate the cost of any project as a certain portion of the workers' wages will be paid from Personal Emoluments votes in respect of Government workers and a certain portion paid from the project votes in respect of contract workers. Hitherto, the cost of any project includes also the element of the cost of labour.

Under the proposed amendment, it will not be necessary to pay these newly converted workers from Personal Emoluments votes and instead, they will be paid from the votes from which they were previously paid.

I should mention here, however, that these employees will have nothing to lose financially as a result of the amendment. On the other hand, this amendment will save a considerable amount of accounting and administrative labour.

Sir, I beg to move.

Dr **Lim Swee Aun**: Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Speaker *in the Chair*)

Clauses 1 and 2 ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE PINEAPPLE INDUSTRY (AMENDMENT) BILL, 1964

Second Reading

Dr **Lim Swee Aun**: Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "An Act to make further provision for regulating the marketing of canned pineapple, to provide for registration of growers of pineapple, and to amend the Pineapple Industry Ordinance, 1957" be read a second time.

The decision to establish a Pineapple Industry Marketing Corporation was made by Government in its statement on future policy for the pineapple industry, which was published as White Paper CMD. 19 of 1960, consequent upon a recommendation made by the Commission of Enquiry which was appointed by the Government in 1959 to enquire into the pineapple industry in Malaya. The Commission of Enquiry recommended, among other things, that a Central Selling Association should be established to handle sales of all canned pineapple on behalf of packers, in order to eliminate competition amongst them and thereby introduce stability in the pineapple industry.

The Government has given careful thought and consideration to this recommendation and has consulted all pineapple canners, smallgrowers and exporters and is satisfied that all sections of the pineapple industry unanimously welcome the establishment of the Pineapple Industry Marketing Corporation as a Statutory Board under the Pineapple Industry Ordinance, 1957, and the corresponding ordinance in Singapore.

It is intended that the functions of the Corporation will be to promote, manage and control the marketing of pineapple canned in the States of Malaya and Singapore. Towards this end, the proposed Corporation will become the sole marketing agency for canned pineapple produced in this country. With its establishment, all registered canners will sell canned pineapple only through the Corporation which will fix minimum prices. The Corporation will sell the canned pineapple either direct overseas or to local registered exporters who, however, shall not sell or export canned pineapple at any price lower than the minimum prices fixed by the Corporation. In this way the Corporation will be able to eliminate the disruptive unhealthy competition and price-cutting activities which, in the past, have often prevailed in the Malayan pineapple canning and export industry. This will help in introducing stability in the local pineapple industry, create confidence in overseas markets and enhance the reputation of the Malayan product.

At the same time, the Corporation will enable the industry to overcome some of its inherent problems and difficulties. One of these is the recurrent slack period at the end of each year, precipitated first by a declining overseas demand due to climatic factors, followed by consequent short selling by exporters and, followed in turn, by frantic efforts by local canners to cut down their intake of smallgrowers' fruit. Usually too, it is at about this time that the supply of smallgrowers' fruit reaches a peak, so that with no outlet for smallgrowers' fruit the industry is faced with a crisis. The

Corporation can help avoid these difficulties by stepping in to make financial advances to the canners to enable them to keep up production during slack periods, and thus enable canners to continue to absorb smallgrowers' fruit.

It is proposed that membership of the Corporation should be confined to the five existing pineapple canneries and the Pineapple Cannery of Malaya, now nearing completion at Pekan Nenas, in Johore. The Corporation will be managed by its members and the Chairman of the Malayan Pineapple Industry Board. For the initial period of at least six to seven years before the Corporation builds up its own capital from members' subscriptions, it will be necessary for the Central and Singapore Governments to underwrite a financial guarantee to the Corporation through the Malayan Pineapple Industry Board. The Central Treasury has therefore agreed to guarantee 75 % of the \$2 million required, while the Singapore Government has agreed to guarantee the remaining 25%.

In order to establish the Pineapple Industry Marketing Corporation, it is necessary to amend section 25 of the Pineapple Industry Ordinance, 1957.

Opportunity is also taken to further amend section 25 of the Pineapple Industry Ordinance, 1957, to provide for the registration of pineapple growers. The need has been felt for some time for the registration of all pineapple growers in order to furnish accurate information such as acreage, yield, variety of fruit grown, income and so on. This is a pre requisite when considering rehabilitation and subsidy programmes.

The Pineapple Industry Ordinance, 1957, is also amended to enable the approving authority of regulations made under the Ordinance to be the Minister of Commerce and Industry rather than His Majesty the Yang di-Pertuan Agong. This, it is felt, would lead to greater administrative convenience and would be more in line with the needs of the industry which has to operate in the international market with constant changes in price

and trading conditions. The Singapore Government has similarly amended its Bill to provide for the Minister of Finance, Singapore, to be the approving authority instead of His Excellency the Yang di-Pertuan Negara. Section 9 of the Bill, therefore, provides that section 25 of the Pineapple Industry Ordinance, 1957, be amended giving effect to this change.

Sir, I beg to move.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Enche' Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kawasan saya merupakan satu kawasan penanaman nanas yang terbesar di-negara kita, maka saya berasa bahawa saya berkewajipan untuk berchakap sedikit di-sini dengan rengkas-nya. Pertama sa-kali saya menguchapkan tahniah kapada Menteri yang berkenaan kerana mengemukakan Bill ini, dan saya berharap ranchangan Pineapple Marketing Board ini akan dapat di-jalankan dengan lancar-nya dan dengan yang demikian saya harap benar² supaya dapat menguntongkan sa-lain daripada keuntungan negara pada keseluruhannya, tetapi juga dapat memberikan faedah kapada pekebun² kecil yang banyak jumlah-nya dalam kawasan saya yang saya wakil pada hari ini. Kalau kita tinjau pengalaman yang telah lalu, ada musim² yang sampai

saya rasa berjuta² buah nanas busok di-tepi jalan dengan tidak mendapat tempat di-dalam kilang oleh kerana berbagai hal, dan untuk mengelakkan hal² yang sa-umpama ini berlaku, saya rasa ada baik-nya, jikalau Menteri yang berkenaan dapat menimbangkan untuk memasokkan wakil daripada pehak pekebun² kecil untuk duduk di-dalam Lembaga yang hendak ditubuhkan itu.

Dr Lim Swee Aun: This matter has been given due thought, but it is regretted that the smallholders' representative cannot serve on the Board.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Speaker in the Chair)

Clauses 1 to 9 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

Mr Speaker: The House is adjourned *sine die*.

Adjourned sine die at 8.25 p.m.